



**PEMYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 27**

**Isnin**

**2 November 2020**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Prosedur Operasi Standard Pelaksanaan Persidangan Dewan (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 3)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 5)

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA  
MENDIANG DATUK LIEW VUI KEONG** (Halaman 35)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 36)

**USUL:**

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 37)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 (Halaman 44)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 2 November 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
PELAKSANAAN PERSIDANGAN PARLIMEN**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan selamat sejahtera semua. Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perjuangan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia masih belum selesai. Ia sesungguhnya memberi kesan dan menjejaskan banyak pihak termasuk rakyat negara ini.

Sehubungan dengan itu, Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Persidangan Parlimen telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi memastikan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersidang dengan selamat dan terkawal seterusnya mencegah penularan wabak ini.

Saya berharap dan menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya sentiasa mematuhi SOP ini di samping terus melaksanakan penjarakan fizikal, menggunakan pelitup muka (*face mask*) dan kerap membasuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah berjaga-jaga sudah pun dimulakan, yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah perlu menjalani kuarantin selama 14 hari sebelum hari persidangan ini. Saya mengucapkan terima kasih atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah yang telah dan sedang menjalani tempoh kuarantin tersebut. Besar pengorbanan mereka sebenarnya.

Berkait dengan ini, saya mengajak semua Ahli Yang Berhormat tanpa mengira latar belakang dan khususnya fahaman politik mengetepikan segala perbezaan dan perbalahan untuk bersatu-padu dan bersatu hati memainkan peranan masing-masing dalam membantu kerajaan dan pihak-pihak berkuasa bagi

membendung wabak COVID-19. Ini adalah demi keselamatan diri dan kesejahteraan negara yang kita cintai bersama selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi memohon jasa baik dan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa mematuhi SOP ini bagi kebaikan kita bersama. Ia adalah demi kebaikan dan kemaslahatan semua pihak agar kita sama-sama terhindar daripada wabak yang membawa maut ini. Sama-sama kita berdoa agar wabak COVID-19 segera dibendung sepenuhnya dan tidak lagi memberi ancaman kepada kita. Dengan izin Allah SWT, negara kita dapat kembali seperti sedia kala dan Parlimen dapat bersidang seperti biasa selepas ini.

Ahli Yang Berhormat, akhir sekali, di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah diletakkan jadual kementerian menjawab semasa sesi pertanyaan bagi jawab lisan. Jadual ini akan diguna pakai bagi penentuan hari kementerian menjawab sepanjang Mesyuarat Ketiga ini. Jadual ini boleh digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merancang kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat semasa sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Sekian, terima kasih.

### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2019) 2020;
2. Akta Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020;
3. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020;
4. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020;
5. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020;
6. Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020;
7. Akta Insolvensi (Pindaan) 2020;
8. Akta Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020;
9. Akta Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020; dan
10. Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

23 September 2020

### Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,  
Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020;
2. Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020;
3. Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020;
4. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020;
5. Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020;
6. Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020;
7. Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020;
8. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020;
9. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020; dan
10. Rang Undang-undang Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020.

Yang ikhlas,

t.t

## YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

## ■1010

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Tuan Setiausaha Dewan Rakyat. Sebelum kita ke pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan, saya ada sedikit pengumuman. Oleh sebab isu COVID-19 yang agak mendesak, yang mungkin memberi impak kepada persidangan kita kali ini, saya ingin menjemput Yang Berhormat-Yang Berhormat berikut untuk datang ke bilik mesyuarat di pejabat saya pada pukul 10.30. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut ialah:

- (i) Yang Berhormat Gombak;
- (ii) Yang Berhormat Kota Bharu;
- (iii) Yang Berhormat Bera;
- (iv) Yang Berhormat Sungai Petani;
- (v) Yang Berhormat Arau;
- (vi) Yang Berhormat Petrajaya;
- (vii) Yang Berhormat Seremban;
- (viii) Yang Berhormat Hulu Langat;
- (ix) Yang Berhormat Pasir Puteh;
- (x) Yang Berhormat Labuan; dan
- (xi) Yang Berhormat Bagan Datuk.

Diminta semua Yang Berhormat tadi datang ke bilik mesyuarat di sebelah *office* saya pada pukul 10.30.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Adakah perhimpunan sekarang ini, kami berada dalam zon selamat? Oleh kerana Kepong termasuk dalam zon merah dan Parlimen adalah di bawah Kepong.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tak, tak, tak. Parlimen bawah Segambut. Segambut, Segambut. Salah ini, salah.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Sorry.* Tak apa ya, dia jawab macam itu. Jadi, kami semua selamat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tolong ambil tanggungjawab. Apa-apa jadi, Tuan Yang di-Pertua kena ambil tanggungjawab yang perhimpunan kami selamat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Arau. Itulah sebenarnya yang saya ingin bincangkan pada pukul 10.30 nanti, *Insyah-Allah.*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah impak ekonomi daripada pandemik COVID-19 khususnya kepada individu, isi rumah dan syarikat perniagaan serta pelbagai sektor ekonomi negara keseluruhannya serta nyatakan dasar, mekanisme dan langkah untuk memacu ekonomi ke arah berdaya tahan dan mapan

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berpantun sedikit pada pagi ini.

*Sabak Bernam membuka persidangan,  
Soalan nombor satu jadi pilihan,  
Isu ekonomi kini diketengahkan,  
Mohon diberi jawapan.*

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua,

*Sidang Parlimen medan berbicara,  
Tempat indah lagi mulia,  
Agar kita sihat sejahtera,  
Semoga semua seia sekata.*

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada individu, isi rumah dan syarikat perniagaan serta hampir semua sektor ekonomi. Skala dan kesannya jauh melebihi jangkaan dan negara-negara seluruh dunia telah menghadapi penguncupan ekonomi yang ketara. Menurut IMF, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka menguncup sebanyak 4.4 peratus tahun ini iaitu penguncupan yang paling teruk sejak Perang Dunia Kedua.

Malaysia juga tidak terkecuali. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah menguncup sebanyak 8.3 peratus dalam tempoh separuh pertama tahun ini. Walau bagaimanapun, kesan negatif ke atas pertumbuhan ekonomi pada tahun ini adalah bersifat sementara dan dijangka pulih pada tahun depan. Beberapa petunjuk ekonomi bulan Ogos dan September telah menunjukkan prestasi ekonomi adalah lebih baik berbanding dengan prestasi separuh pertama tahun 2020.

- (i) eksport Malaysia pada September meningkat sebanyak 13.6 peratus;

- (ii) nilai jualan perdagangan borong dan runcit naik sebanyak 2.5 peratus;
- (iii) jualan kereta penumpang untuk bulan September naik lapan peratus; dan
- (iv) pasaran buruh kekal mencatatkan kadar pengangguran 4.7 peratus pada bulan Julai dan September.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira kedudukan ekonomi terkini, pertumbuhan ekonomi pada tahun ini dianggar menguncup di antara 5.5 peratus hingga 3.5 peratus pada tahun ini dan dijangka berkembang tahun depan dalam lingkungan 5.5 peratus hingga lapan peratus. Dengan peningkatan semula kes COVID-19 dalam gelombang ketiga dalam tempoh sebulan yang lalu, PKPB terpaksa dilaksanakan di Selangor, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, ini mungkin menjejaskan sedikit prestasi ekonomi pada bulan Oktober dan November.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi bagi menangani isu-isu dan cabaran semasa ekonomi. Ia dipengerusikan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri yang memantau impak penularan wabak COVID-19 ke atas ekonomi serta merangka langkah-langkah untuk memulihkan dan merencanakan semula ekonomi negara kita. Sejak ditubuhkan, sebanyak 24 kali mesyuarat telah diadakan dan 48 perkara dibincangkan. Antaranya termasuklah langkah memulihkan sektor ekonomi yang terjejas seperti pelancongan, pembinaan, peruncitan dan perusahaan kecil dan sederhana. Langkah meningkatkan kesejahteraan rakyat, mengurangkan kadar pengangguran dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan.

- (i) pada bulan Mac 2020 – Pakej Rangsangan Ekonomi;
- (ii) pada bulan April 2020 – Pakej Rangsangan Prihatin;
- (iii) Pakej PENJANA pada bulan Jun 2020; dan
- (iv) KITA PRIHATIN pada bulan September 2020.

Pakej Rangsangan Ekonomi tersebut berjumlah sebanyak RM305 bilion atau kira-kira 20 peratus daripada KDNK dan antara pakej terbesar di kalangan negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi dan memelihara kesejahteraan rakyat akan diperkenalkan dalam Bajet 2021. Melalui Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi, kita sedang memuktamadkan penyediaan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Panjang Rancangan Malaysia Ke-12 dan akan dibentangkan pada awal tahun hadapan. Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan yang terbaik untuk

melindungi nyawa rakyat dan menjamin kelangsungan hidup, dengan izin, *life and livelihood*. *Insya-Allah* dengan langkah-langkah yang telah diambil dan bakal diambil melalui Belanjawan RMKe-12 dan dasar-dasar yang berkaitan, ekonomi negara kita akan dapat dipulihkan. Tahun depan, ekonomi kita akan pulih. Ekonomi kita akan berdaya saing dan mampan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat akan terbela. Marilah kita semua tanpa mengira parti bersama-sama memulihkan ekonomi negara dan membela kepentingan rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Fasih untuk soalan tambahan pertama.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Dalam *Malaysian Institute OF Economic Research* menganggarkan impak ekonomi secara keseluruhan daripada pandemik COVID-19 ini kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar adalah merupakan pengurangan antara 0.6 peratus.

Soalan tambahan saya, apakah perancangan ekonomi mikro dan makro kerajaan, termasuklah Program Jaringan Keselamatan Sosial Kerajaan, bagi terus menjaga kebajikan rakyat dan isi rumah, khususnya golongan B40 dan M40, malah T20 yang terjejas daripada segi pendapatan, kehilangan pekerjaan, ketidakcukupan rawatan dan makanan akibat pandemik COVID-19 ini? Apakah langkah kerajaan untuk mengelakkan lebih banyak syarikat daripada mufliis dan gulung tikar yang menyebabkan pekerja kehilangan pekerjaan? Apakah persediaan kerajaan bagi menghadapi ekonomi pasca COVID-19 ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jemput, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Pertama, ramalan yang disebut oleh Yang Berhormat Sabak Bernam itu dibuat oleh MIER pada 28 Mac 2020. Pada masa ini, ramalan kerajaan ialah ekonomi negara kita akan menguncup lebih besar daripada apa yang diramalkan oleh MIER.

Kedua, berkaitan dengan bantuan untuk rakyat. Seperti yang saya sebutkan tadi, sebahagian besar daripada PRIHATIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN adalah untuk memastikan bahawa rakyat ada makanan di atas meja atau *food on the table* dan kita pastikan bahawa tidak ada sesiapa yang akan tersisih ataupun tidak dapat bantuan. Memang benar, ada pihak-pihak dalam negara kita yang tidak dilindungi oleh perlindungan sosial, khususnya mereka dalam sektor informal. Langkah-langkah sedang diambil untuk menangani perkara ini.

Untuk mempertahankan pekerjaan yang ada, kerajaan telah memperkenalkan Program Subsidi Upah. Keduanya iaitu yang terkini ialah



diperkenalkan KITA PRIHATIN bernilai RM600 juta. Sebelum itu, RM2.1 bilion. Setakat ini, kira-kira 2.7 juta rakyat Malaysia, pekerja Malaysia sudah pun mendapat faedah daripada Program Subsidi Upah.

■1020

Ini adalah antara langkah-langkah yang telah diumumkan oleh kerajaan dan kerajaan sedar bahawa kita menghadapi masalah yang cukup besar. Itu sebabnya kita perlu gembeng seluruh tenaga untuk memastikan bahawa kita dapat keluar daripada kemelut ini dan Malaysia kembali berada atas landasan ekonomi yang kukuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, soalan tambahan kedua. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya mengikuti jawapan tadi. Cuma sambungan daripada rakan saya dari Sabak Bernam, kesan kepada rakyat adalah hilang pekerjaan. Jabatan Perangkaan kata setakat September sudah 4.7 peratus pengangguran iaitu lebih 700 ribu rakyat hilang punca pendapatan. Di satu sisi lain, stor yang terkesan teruk *aviation*. Semalam saya baca berita 2,000 pekerja Malindo hilang kerja, *tourism*, runcit, *art and entertainment* antara yang paling parah. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, ketika *revenue* kerajaan juga dijangka merosot teruk kerana harga minyak yang sedia kita maklum. Apa yang saya hendak tanyakan adalah ringkas dan padat.

Apa satu ikhtiar baharu yang luar biasa, Yang Berhormat kata harus disokong oleh semua, yang dianggap di luar daripada cara pemikiran biasa untuk menghadapi krisis ini yang boleh Yang Berhormat Menteri kongsi kepada Parlimen untuk menghadapi masalah yang sama-sama kita depani. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kulim-Bandar Baharu. Yang pertama, benarlah beberapa sektor tertentu mengalami penguncupan yang amat teruk khususnya sektor *services* dan dalam sektor tersebut pelancongan yang menyumbang kepada kira-kira 16 peratus kepada KDNK negara dan pelancongan ini berkait rapat dengan sempadan. Bila sempadan ditutup, hampir tutup sepenuhnya. Umpamanya di Johor dengan Singapura, kita sedia maklum bagaimana besarnya pergantungan Johor terhadap Singapura. Ini telah menjejaskan ekonomi negeri Johor dan Yang Berhormat Menteri Besar Johor sudah pun bantahkan satu kertas pada Majlis Tindakan Ekonomi Negara untuk mencadangkan langkah-langkah bagi memulihkan ekonomi di Johor.

Benar, sektor *aviation* dan pelancongan teruk terkesan. Jadi soalan Yang Berhormat ialah apakah ikhtiar baharu yang difikirkan oleh kerajaan. Saya yakin bahawa belanjawan hari Jumaat depan akan *address* dengan izin, isu ini dan

cadangan-cadangan yang telah dikemukakan kepada Yang Berhormat mewakili pembangkang sedang diteliti oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi benar, kita menghadapi masalah yang serius. Ini bukan Malaysia sahaja, seluruh negara. Benar, ramai yang menganggur berbanding masa sebelumnya. Oleh itu kita perlu ikhtiar yang baharu berdasarkan keadaan ekonomi dunia dan juga berdasarkan kepada penurunan ketara hasil kita turun dengan mendadak. Bermakna satu masa hasil kita kurang dan kita perlu belanja.

Itu sebabnya kerajaan sudah membuat keputusan untuk memastikan bahawa kita jangan terlalu melihat kepada defisit fiskal. Kita sering kali mendengar tentang fiskal *space* ataupun ruang fiskal. Jadi sudah pasti ini ialah satu perkara yang harus kita, bukan ketepikan tetapi tidaklah serelevan perkara ini sebelum-sebelumnya. Ini antara perkara-perkara yang sedang difikirkan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bagaimana kementerian dapat membantu golongan belia yang berniaga yang terjejas teruk akibat COVID-19. Nyatakan berapakah jumlah belia yang telah dibantu dan berikan pecahan mengikut negeri.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Menteri Belia dan Sukan]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya daripada Sungai Petani. Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan negara pada ketika ini sememangnya mendatangkan kesan langsung kepada ekosistem perniagaan dan sektor ekonomi. Kesan negatif dari COVID-19 ini sememangnya dirasai oleh hampir setiap segmen masyarakat termasuk golongan belia. Secara umumnya inisiatif untuk membantu para usahawan dan sektor ekonomi diusahakan melalui pelbagai dasar dan polisi yang digagaskan oleh kerajaan dan dipantau rapi pelaksanaannya oleh Kementerian Kewangan.

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pakej Prihatin PKS Tambahan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Kita PRIHATIN menjadi teras untuk membantu dan melonjak semula sektor perniagaan termasuk di kalangan belia yang berada dalam sektor keusahawanan mahupun yang berniaga. Tindakan pantas kerajaan melalui pelbagai pakej ini telah banyak membantu para usahawan yang terjejas teruk akibat COVID-19 dan dalam hal ini golongan belia yang meniaga juga tidak terkecuali.

Saya suka untuk maklumkan sebagai contoh peruntukan keseluruhan Geran Khas Prihatin (GKP) yang berjumlah RM2.1 bilion. GKP ini disasarkan untuk memberi manfaat kepada hampir 700 ribu PKS dengan bantuan *one-off* sebanyak

RM3,000. Daripada sasaran 700 ribu orang penerima PKS tersebut, seramai 279,214 orang penerima merupakan golongan belia. Peruntukan GKP ini adalah berjumlah RM837.7 juta dan semua adalah untuk belia yang merangkumi 40 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Keduanya adalah kedua-dua Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN, *COVID Business Recovery-Micro* (CBRM) dan juga TEKUN *Business Recovery Scheme* khas untuk PKS mikro. Kedua-duanya di bawah PRIHATIN dan juga PENJANA yang melibatkan 27,437 orang penerima golongan belia dengan peruntukan lebih daripada RM200 juta. Peruntukan keseluruhan kedua-dua skim ini berjumlah RM300 juta.

Ketiga, pembiayaan mikro kredit PRIHATIN dan PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional melibatkan 2,017 orang penerima golongan belia berniaga dengan peruntukan lebih daripada RM71 juta.

Berasaskan tiga inisiatif yang saya sebutkan tadi, secara keseluruhannya seramai 308,668 orang belia yang berada dalam keusahawanan mahupun berniaga telah mendapat manfaat dengan melibatkan peruntukan lebih RM1.1 bilion. Suka saya memaklumkan bahawa inisiatif ini tidak termasuk dengan pelbagai strategi dan langkah yang diterajui oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Tuan Yang di-Pertua, KBS sebagai salah satu daripada 14 buah kementerian yang terlibat sama dalam mencari ikhtiar untuk melaksanakan program keusahawanan di peringkat nasional. Dalam tempoh yang sukar ini KBS telah melaksanakan inisiatif apa yang disebut sebagai kolaborasi rentas kementerian yang bertujuan untuk membimbing dan memberi sokongan kepada golongan belia dalam aspek keusahawanan.

Antara yang telah diusahakan dengan kementerian-kementerian yang telah pun dilakukan kolaborasi ini adalah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Program Pencetus Usahawan iaitu program di bawah kerjasama strategik yang dilaksanakan dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang melatih 300 orang pegawai KBS bagi tujuan pembangunan usahawan di INSKEN untuk mengembang kapasiti dan kemampuan pegawai bagi membantu usahawan belia. Selain daripada itu, program KBS bersama dengan PUNB yang dilakukan dengan kerjasama Akademi Pembangunan Belia Batu Gajah untuk memberi fokus berkaitan dengan *business consultation* yang memberi fokus bimbangan usahawan belia dalam mengembang perniagaan.

Selain daripada itu juga KBS menjalinkan usaha sama secara rentas bersama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui agensinya MDEC yang menghasilkan program apa yang disebut sebagai myGIG yang bertujuan menyediakan keterlibatan belia dalam ekonomi, sektor ekonomi *gig* dan juga digital.

Setakat ini 2,000 orang belia mendapat manfaat melalui bantuan pemerksaan, perkakasan, latihan serta kemahiran yang diperlukan.

Lagi satu ialah Program Pembangunan usahawan Anak Muda Kota bersama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menyediakan *kiosk*, ruang niaga untuk 1,000 orang usahawan di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Untuk makluman hampir 80 peratus daripada permohonan yang diterima adalah daripada kalangan golongan belia.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon] **mempengerusikan Mesyuarat]***

Program ini sedang dalam fasa terakhir untuk pemilihan usahawan. Dalam waktu yang sama program keusahawanan yang dipelopori oleh KBS akan diteruskan.

#### ■1030

Ini termasuk Program Teknikal Belia Tani, inisiatif TVETpreneur, Program Pelaksanaan Inisiatif *Business* Orang Muda yang merupakan sebuah program pembangunan kapasiti yang merangkumi kursus jangka pendek yang dikendalikan pakar industri yang telah berjaya menarik minat hampir 1,443 orang belia.

Bagi memudahkan para belia mengakses kepada semua inisiatif yang sedang dijayakan oleh pihak kerajaan, KBS sedang menerajui pembangunan apa yang disebut sebagai *single landing page* yang dinamakan sistem MyBelia. Sistem ini menyediakan maklumat yang bersepadu berkaitan semua inisiatif yang telah disediakan oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan yang boleh dimanfaatkan oleh para belia termasuk peluang pekerjaan, penciptaan pekerjaan, latihan dan kemahiran serta akses kepada dana dan kemudahan yang ditawarkan mahupun yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan.

Akhir sekali, KBS akan sentiasa komited dan akan terus membantu untuk menjadi pelengkap kepada semua inisiatif yang dilakukan bagi tujuan untuk membantu golongan belia dalam bidang keusahawanan. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu panjang lebar. Kita lihat bahawa paling tidak pun tiga inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi membantu belia-belia yang terperangkap dalam masalah COVID-19 sekarang ini.

Cuma isunya, Yang Berhormat Menteri, atas kertas nampak cantiklah kita *habaq* pada rakyat macam-macam tetapi sedar kah Yang Berhormat Menteri bahawa apabila belia-belia kita pergi contohnya untuk mendapatkan bantuan, banyak masalah?

Jadi, dua masalah ini – mungkin yang pertama, maklumat yang dikeluarkan oleh kementerian tidak sampai kepada belia-belia ataupun ada sesuatu yang *something is wrong* dengan agensi yang mengendalikan bantuan ini. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan sama ada adakah agensi-agensi tertentu yang dikhususkan untuk mengendalikan bantuan ini kepada belia? Supaya akhirnya belia tahu bahawa mereka ada tiga agensi iaitu agensi pertama, kedua dan ketiga. Ini disebarkan secara meluas oleh kementerian Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Multimedia dan juga *social media* yang lain. Terima kasih.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican:** Terima kasih kepada soalan tambahan. Sememangnya keresahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani juga merupakan perkara yang mendasari keresahan di peringkat kementerian.

Walaupun umumnya mengetahui bahawa apabila disebut sahaja soal KBS, KBS dianggap sebagai *flat barrier* untuk pembangunan dan semua aspek yang berkepentingan kepada belia tetapi hakikatnya ada 17 kementerian secara rentas yang juga mempunyai tanggungjawab yang melaksanakan agenda untuk belia. Oleh sebab itulah saya mulakan apa yang disebut tadi peringkat jawapan saya dalam jawapan pertama adalah berkaitan dengan inisiatif kolaborasi rentas kementerian yang bagi memastikan bahawa perkara-perkara yang ada di kementerian-kementerian lain benar-benar diberi perhatian kepada belia.

Namun, saya bersetuju terdapat seakan-akan macam *disconnect* ataupun *disjointed effort* apa yang berlaku di atas kadang-kadang tidak sampai ke bawah. Capaiannya mungkin di luar bandar termasuklah di kawasan Sungai Petani mahupun Kepala Batas. Ini saya ambil perhatian dan saya telah bentuk apa yang disebut sebagai Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Belia peringkat negeri dan daerah.

Apa yang saya usahakan di peringkat kementerian, kolaborasi kementerian, saya harap sinergi yang sama diperturunkan di peringkat negeri. Contohnya kalau ada MARA, KPLB, PUNB, TEKUN, maka agensi-agensi ini juga akan dilakukan secara kerjasama yang bersinergi bagi memastikan dalam mereka melaksanakan agenda-agenda kementerian mereka, maka kementerian mereka juga meletakkan agenda belia juga sebagai salah satu kepentingan.

Terakhir tadi saya sebut, saya wujudkan apa yang disebut Yang Berhormat sebagai *single landing page*. Saya telah cuba untuk *integrate* semua. *If you sign in* Kementerian Belia dan Sukan, *you sign in all the* kementerian. Ini adalah proses yang *tedious*. Maksudnya bukan mudah kerana ia perlukan *data integration*. Akan tetapi, *insya-Allah*, seawal pada tahun depan, sistem ini akan dapat digunakan oleh para belia. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan agak menyeluruh. Tahniah kepada Pakej PRIHATIN dan segala tiga perancangan.

Cuma, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar buat masa sekarang ini anak-anak muda khususnya di kawasan luar bandar seperti Baling contohnya, hari ini ramai anak-anak muda yang ada woksyop, ini semua belia? Ada woksyop motor, woksyop kereta, kedai makan, kedai burger, semua ini mereka tidak boleh hendak berniaga kerana kawasan kami di antara kawasan yang hitam. Akan tetapi, *alhamdulillah*, Yang Berhormat Menteri Keselamatan sudah putihkan, sudah *clear* kawasan itu.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan— khususnya ada tiga perkara. Pertama, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, kolaborasi dengan kementerian-kementerian tadi itu amat bagus tetapi di kawasan saya, saya masih lagi menerima pelbagai rungutan berkaitan dengan TEKUN. Ada tak boleh Yang Berhormat Menteri bincang dengan kementerian atau jabatan yang berkaitan ada moratorium kepada TEKUN ini? TEKUN ini seminggu sampai RM300, RM400, RM500. Ya, dahulu mereka boleh bayar tetapi hari ini mereka kena tutup kedai, tidak boleh berniaga, *every week they have to pay*, dengan izin. Ini satu perkara yang saya minta.

Kedua, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri, hendak tanya ada atau tidak Yang Berhormat Menteri ada kolaborasi dengan— *insya-Allah*, saya yakin dan percaya hari Jumaat ini Yang Berhormat Menteri Kewangan akan umumkan belanjawan yang baru. Ada tak tambahan untuk orang-orang muda ini, generasi muda ini? Adakah apa-apa pemikiran di luar kotak untuk membantu mereka khususnya dalam program myGIG tadi? MyGIG pun dalam perniagaan *online*, hari ini ramai anak muda masih lagi tercaici-cari kerana mereka kekurangan modal.

Jadi tiga perkara ini saya pohon Yang Berhormat Menteri tolong jawab. Terima kasih.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Terima kasihlah kerana mempunyai kepedulian yang agak tinggi berkaitan dengan belia.

Saya pernah jawab dalam sesi yang dahulu bahawa saya bahagikan belia ini sebagai belia resah, belia yang tergolong dalam lima kumpulan. Pertama, kumpulan daripada kalangan belia yang berkemungkinan kehilangan pekerjaan pasca COVID-19 ini ataupun dalam keadaan mereka berdepan dengan suasana COVID-19.

Kedua adalah belia yang berada di tempat-tempat pengajian tinggi yang dalam keadaan untuk mereka setahun atau sebulan dua lagi untuk *graduate*. Mereka juga berdepan dengan keresahan kluatir tidak ada pekerjaan.

Belia yang ketiga adalah belia di dalam bidang keusahawanan, yang berada di peringkat awal, *in front stage* yang khuatir kalau perniagaan mereka akan berdepan dengan keadaan yang terpaksa mereka gulung tikar.

Belia yang keempat, ini antara salah satu kumpulan belia yang saya anggap amat penting, adalah belia yang disebut sebagai NEET atau *not in employment, not in education, and not in training*. Ini adalah antara kumpulan yang juga diberi perhatian.

Jadi, sebagaimana yang saya sebut tadi, bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baling sememangnya menjadi keutamaan dan kolaborasi ini adalah bertujuan untuk memastikan capaian segala bentuk bantuan dapat dilakukan secara lebih menyeluruh.

Cuma, pertanyaan berkaitan dengan belanjawan, saya kira akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Cuma saya boleh beri *some kind of heads up* belanjawan ini bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan keluarkan kenyataan bahawa Belanjawan 2021 ini akan perkukuhkan belia, tingkatkan peluang pekerjaan graduan dan golongan muda. Paling hujung, paling terbaru, beliau menyatakan bahawa belanjawan ini akan memperkasakan keusahawanan, pendidikan terutamanya kepada golongan belia. Saya anggap ini adalah salah satu daripada jaminan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan mudah-mudahan belanjawan ini adalah belanjawan yang akan menjadi belanjawan yang dapat membantu dan melonjakkan belia. Terima kasih.

**3. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah inisiatif kementerian dalam memastikan program atau kursus pembangunan keluarga dan masyarakat dapat dijalankan secara berterusan dalam keadaan wabak COVID-19 yang membimbangkan sekarang.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa COVID-19 yang sedang dihadapi di negara kita ini turut memberi kesan kepada ahli keluarga. Hasil kajian kesejahteraan diri dalam komuniti semasa PKP oleh Universiti Putra Malaysia mendapati bahawa hubungan kekeluargaan dan sistem sokongan yang tinggi amat membantu ahli keluarga kekal stabil dan juga sejahtera.

Justeru, Program Pendidikan Kekeluargaan amat penting sebagai salah satu program pencegahan dan intervensi bagi membantu ibu bapa dan ahli keluarga menghadapi cabaran baharu dan seterusnya memulakan semula kehidupan.

Bagi memastikan program pendidikan kekeluargaan dapat diteruskan kepada kumpulan sasar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPKKN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif sepanjang bulan Mac sehingga Oktober 2020 dengan pendekatan seperti berikut:

■1040

- (i) kita mengoptimumkan penganjuran seminar dan forum kekeluargaan secara dalam talian bagi peringkat kebangsaan dan juga serantau;
- (ii) peluasan kursus pembangunan keluarga secara interaktif melalui platform FB *live*;
- (iii) bersiaran melalui televisyen dan radio tempatan bagi berkongsi ilmu berkaitan pendidikan kekeluargaan dan kemahiran keibubapaan; dan
- (iv) koleksi tip pendidikan keluarga sejahtera, lima program pendidikan remaja dan keluarga melalui atas talian dan juga perkhidmatan radio KafeTEEN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Penglibatan dan kerjasama juga kita jalinkan dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut dipertingkatkan bagi menyebarkan pendidikan kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu beberapa inisiatif sedang giat dilaksanakan oleh kementerian pada masa ini seperti mempelbagaikan pendekatan program pendidikan kekeluargaan seperti pelaksanaan kursus menerusi sistem kursus pembangunan keluarga dalam talian.

Modul-modul pendidikan kekeluargaan telah diubahsuai dalam bentuk digital dan beroperasi dalam talian dan pembangunan Akademi Keluarga Sejahtera di laman *Facebook* sebagai platform pendidikan kekeluargaan bagi pihak kementerian dan agensi di bawahnya untuk mengupas topik semasa dan isu-isu sosial berkaitan kumpulan sasar kementerian. Akademi ini juga menjadi medium kepada ahli akademi pakar kekeluargaan untuk berkongsi ilmu dan tip kekeluargaan dengan orang ramai.

Walau bagaimanapun, kementerian berharap supaya masyarakat sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pendidikan kekeluargaan dengan mengambil bahagian dalam program yang telah dirancang oleh pihak kementerian secara dalam talian melalui media sosial dan juga melalui hebahan stesen penyiaran tempatan. Kementerian akan sentiasa terus menambah baik kaedah dan pendekatan bagi



memastikan program dapat sampai dengan berkesan kepada kumpulan sasar. Terima kasih.

**Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]:** Terima kasih. Syabas dan tahniah saya ingin ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas kesungguhan di dalam masa pandemik COVID ini, beberapa tindakan yang telah diambil.

Soalan tambahan saya, apakah program-program baru yang dirangka dan diperkenalkan oleh kementerian serta bersesuaian dengan keadaan pandemik ketika ini dan bagaimana kementerian untuk memastikan keberkesanan program-program yang disebut tadi mengguna kaedah yang baru? Terima kasih.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa dalam keadaan menghadapi COVID-19 ini, ramai yang terjejas dan sudah pastinya dalam untuk membentuk keluarga yang sejahtera, pembangunan keluarga itu amat penting. Seperti yang telah saya katakan tadi, banyak program yang telah kita laksanakan. Antaranya, *parenting at work* kerana kita lihat kerana ketika ini ramai juga ibu bapa yang bekerja dari rumah. Kepada wanita sebagai contohnya untuk bekerja daripada rumah dan dalam masa yang sama juga untuk mengurus rumah tangga.

Selain daripada itu, program-program penjana ekonomi. Daripada aduan-aduan yang kami dapat sepanjang tempoh PKP ini ramai yang terjejas, kehilangan pekerjaan dan mereka juga dalam masa yang sama ingin meningkatkan pendapatan. Banyak kursus secara atas talian juga telah kita laksanakan. Begitu juga untuk kursus pendidikan awal kanak-kanak juga telah mula kita adakan melalui atas talian. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dengar banyak inisiatif yang telah dilakukan dalam mengadakan kursus-kursus dan mendekati keluarga-keluarga wanita yang terpaksa berhadapan dengan masalah *parenting* sewaktu dalam pandemik ini.

Kita tahu bahawa keadaan sewaktu PKP dalam pandemik ini begitu memberi tekanan kepada ibu-ibu yang bekerja di rumah. Soalan saya, tadi berkaitan juga dengan keberkesanan. Soalan saya, adakah kementerian mempunyai data berapa ramai ibu-ibu yang mengikuti kursus ini dan berapa peratuskah daripada seluruh golongan sasar itu telah dapat disentuh melalui program yang diadakan? Terima kasih.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mempunyai data itu sekarang dan kita akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Kuantan. Akan tetapi data-data

berkaitan dengan terutamanya daripada wanita yang sudah pergi kursus secara atas talian ini dan juga keberkesannya. Selain daripada itu, bukan sahaja kepada wanita tetapi juga kepada anak-anak remaja yang terlibat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hendak teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun, Bukit Bintang.

**4. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah kesiapsiagaan kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 yang memasuki gelombang ketiga dan kebarangkalian berterusan hingga tahun-tahun hadapan dan langkah mengatasi kesan buruk ke atas negara dan kehidupan rakyat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Yang di-Pertua, mekanisme yang sedang dilaksanakan dalam membendung penularan COVID-19 ialah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di seluruh negara di mana semua sektor dan aktiviti yang dibenarkan untuk beroperasi perlu mematuhi *standard operating procedure* (SOP) yang menekankan kepada amalan protokol kesihatan dan norma-norma baharu.

Sekiranya berlakunya peningkatan kes COVID-19 di mana-mana kawasan, kerajaan akan mengetatkan kawalan di kawasan atau *locality* tersebut dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan bagi membolehkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan tindakan pencegahan, pemulihan atau mitigasi di dalam kawasan tersebut. Ternyata pelaksanaan PKP ini oleh pihak kerajaan telah berjaya menurunkan keluk penularan wabak COVID-19 dan mencegah daripada berlakunya gelombang kedua sebelum ini penularan pandemik ini.

Empat fasa PKP yang berakhir pada 12 Mei 2020 telah digantikan dengan fasa PKPB bermula dari 13 Mei hingga 9 Jun 2020. Seterusnya, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10 Jun hingga 31 Ogos 2020 sebagai langkah *exit strategy* secara berhati-hati dengan pembukaan secara berperingkat hampir kesemua sektor ekonomi dan juga sosial berpandukan SOP yang telah ditetapkan.

Mekanisme pengurusan krisis negara yang dilaksanakan telah berjaya mengawal penularan wabak COVID-19 dan mengelakkan fasiliti kesihatan seperti hospital dan klinik terbeban dengan kes yang terlalu tinggi. Saringan COVID-19 yang kita teruskan hanya dilakukan ke atas mereka yang bergejala dan juga kontak-kontak rapat kepada *person under surveillance* (PUS) yang positif dan tidak dilakukan ke atas semua penduduk di negara Malaysia kerana selagi tidak ada vaksin, sesiapa sahaja pada bila-bila masa boleh dijangkiti oleh virus ini.

Langkah pencegahan terbaik ialah dengan membudayakan dan mengamalkan norma baru kehidupan seperti penjarakan sosial dan pematuhan kepada kawalan kebersihan seperti kerap membasuh tangan dengan sabun ataupun *hand sanitizer*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Isu pandemik COVID-19 adalah isu global termasuk Malaysia. Meskipun saya akui bahawa kerajaan telah berusaha melandai lekuk penularan dari terus merebak dengan mengambil pelbagai langkah tetapi rakyat umumnya, nampaknya terus bimbang akan kesan buruk yang akan mereka terpaksa hadapi iaitu kehilangan pendapatan dan bebanan hutang yang terpaksa ditanggung.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh baru moratorium bagi rakyat yang terjejas dengan pandemik dan Bantuan Sara Hidup yang disemak semula. Terima kasih.

■1050

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja bentuk penambahbaikan dari segi untuk mengurus dan terus membanteras melawan COVID-19, kita sentiasa mengadakan perbincangan. Contoh MKN bersidang setiap hari untuk menyemak contohnya, *performance* oleh *frontliners*. Bagaimanakah kita perlu menambah baik untuk mengelakkan keresahan masyarakat. Itu sebab saya sebutkan tadi, kita akan mengadakan norma-norma yang tertentu yang kita sentiasa semak dan kaji untuk memberi keyakinan kepada rakyat yang mereka ini boleh bergerak dalam keadaan apa sekalipun, dengan adanya yang kita tahu hari ini COVID-19 berada dalam masyarakat kita.

Kalau kita lihat data hari ini, *public health system* di negara kita ini dengan izin adalah satu *public health system* yang antara terbaik di dunia. Apa sahaja *spike* yang kita hadapi kita boleh berjaya membendung penularan itu dan mengekang keluk-keluk seperti itu untuk diturunkan. Contoh hari ini *rate of transmission* ataupun *RT note* kita, kita boleh mengurangkan kepada tahap 1.5.

Jadinya kita— Saya sebutkan sekali lagi sentiasa dalam kesiapsagaan dan kita memberi isyarat kepada masyarakat. Contohnya, kalau kita ada kumpulan beramai-ramai supaya kita jauhkan kedudukan kita antara satu sama lain, menggunakan pelitup muka dan sebagainya supaya kita boleh mengekang orang kata itu rantaian, memutuskan rantaian COVID-19 terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Pertanyaan soalan tambahan yang kedua.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Kimanis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Jelebu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Hendak tanya fasal darurat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** *Mic, mic.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua punca COVID-19 ini ada banyak faktor dan sekarang ini peningkatan COVID-19 ini menampakkan peningkatan yang sangat membimbangkan. Dikatakan Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada punca COVID-19 ini adalah berpunca daripada pilihan raya kecil (PRK) terutamanya yang kita baru-baru lalui PRN Sabah.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, PRK ini kita kena adakan. Bila ada kekosongan *within* 60 hari dengan izin, kena adakan PRK ataupun PRN dan sebagainya. Mengikut peruntukan dalam Perkara 54 tetapi boleh kita tidak adakan kalau kerajaan mengenakan darurat dalam Perkara 150.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah pendirian kerajaan sekarang dalam kita mengekang COVID-19 ini untuk menghalang sebarang pilihan raya diadakan dalam tempoh ini ataupun kalau kita kena adakan, adakah pihak kerajaan mengenakan akta baharu untuk mengekang penularan COVID-19 dengan memendekkan tempoh kempen ataupun kita mengenakan satu kaedah kempen yang baharu supaya penularan ini dapat kita sekat secara total Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat hari ini antara sebab ada *spike* peningkatan COVID-19 adalah apabila kita berhimpun beramai-ramai, ya. PRK melibatkan perhimpunan beramai-ramai melibatkan kempen dan sebagainya. Akan tetapi bidang kuasa untuk mengadakan ataupun tidak mengadakan adalah di bawah SPR, kerajaan sentiasa memantau.

Antara usaha kita saya sebutkan sekali lagi untuk memasukkan norma-norma baharu kepada masyarakat. Membolehkan agensi atau jabatan seperti SPR untuk mengkaji dan menyemak sama ada PRK boleh dilakukan atau tidak. Ini adalah bidang kuasa SPR dan saya tidak boleh hendak untuk memberi maklumat yang lebih lanjut sama ada pilihan raya kecil atau pilihan raya umum boleh atau tidak dilakukan tetapi kerajaan sentiasa memantau.

Sekiranya rakyat secara umum masih lagi tidak memahami norma-norma baharu, jika perlu mewujudkan akta-akta tertentu, kerajaan akan sentiasa mengkaji dan membuat perancangan dan mencadangkan kepada rakyat. Terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sikit sahaja.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Mohon Bandar Kuching.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ingin teruskan pertanyaan seterusnya kepada Yang Berhormat Tuan Sabri Azit, Yang Berhormat Jerai.

**5. Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan jumlah bantuan yang telah dikeluarkan bagi membantu penjaja kecil sepanjang tempoh COVID-19.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Minta maaf buka topeng Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi kebenaran membuka topeng. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama, ingin saya memberikan penjelasan sedikit berhubung dengan klasifikasi perniagaan di negara ini secara formal ataupun secara pengklasifikasian kerajaan iaitu ada tiga hingga empat kelas sederhana yang mana kalau bidang pembuatan sehingga 50 juta pendapatannya dan hingga seramai 200 orang pekerjanya.

Kalau sektor-sektor lain perkhidmatan dan sebagainya hingga 50 orang pekerja dan 20 juta pendapatan dan jualan tahunan untuk kecil— Apa yang disoal ini penjaja kecil, jadi ada *confusion* sedikit Tuan Yang di-Pertua iaitu sebanyak 15 juta daripada penjualan maksimum dan 75 orang anggota pekerja itu dalam bidang pembuatan. Kalau bidang lain sebanyak 3 juta penjualan, pendapatan dan juga seramai 30 orang pekerja dan yang mikro ini klasifikasi yang ketiga, tahunan sebanyak 300,000 ke bawah dan pekerja seramai lima. Lain itu informal yang tidak berdaftar Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, soalan di sini yang kata peniaga kecil. Jadi, oleh sebab penjaja kecil tidak ada klasifikasi yang tertentu di bawah soalan ini, jadi saya baca secara umum Tuan Yang di-Pertua. Kementerian mengambil maklum sepanjang tempoh penularan wabak COVID-19 ini telah menjejaskan perniagaan di bawah mikro dan *informal* dan usaha penjaja dan peniaga kecil. Justeru itu, kementerian telah mengeluarkan pelbagai bantuan kepada penjaja dan peniaga kecil melalui agensi pelaksana di bawah MIDEK seperti TEKUN Nasional, SME Corp, SME Bank dan Bank Rakyat.

TEKUN Nasional menerima jumlah RM300 juta daripada kerajaan di dalam Pakej PRIHATIN PKS dan PENJANA untuk menyalurkan sebagai pembiayaan mudah kepada usahawan yang terjejas susulan pandemik melalui Program *COVID-19 Business Recovery*, *TEKUN Business Recovery Scheme* (TBRS) bermula dari bulan Mac sehingga 18 Oktober 2020. Jumlah seramai 43,206 orang usahawan pelbagai sektor perniagaan telah mendapat manfaat melalui pembiayaan TEKUN dengan nilai RM451.35 juta.

SME Bank, SME Corp juga mengadakan program sebagai TUBE, Pelan Jana Ekonomi Negara. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh baca semua ataupun saya bagi jawapan bertulis?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ringkaskan pun boleh. Bagi jawapan bertulis.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Oleh sebab perkara ini terperinci dan menerusi *figures*, saya meminta supaya jawapan yang diberikan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Secara bertulis. Sila soalan tambahan yang pertama Yang Berhormat Jerai, 30 saat.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi sejauh manakah pihak kementerian mengambil inisiatif jangka pendek dalam tempoh PKP ini mewujudkan usahawan dalam talian ataupun usahawan *online* serta turut menyediakan dana kewangan bagi mengurangkan beban pengangguran yang semakin meningkat? Sekian.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang mengikut kajian yang telah dibuat ataupun pengalaman yang telah kita dapati daripada pihak peniaga selama berlakunya COVID-19 dan juga tindakan kerajaan untuk melaksanakan MCO dari bulan Mac dahulu hingga sekarang, kita dapati memang peniaga-peniaga jenis mana pun daripada yang *informal* hinggalah yang sederhana di bawah bidang kuasa kementerian perlu berpindah dari sudut perniagaan secara konvensional kepada secara digital.

Maknanya mereka mesti dilatih, diberi bimbingan dan juga diberi kemudahan untuk melaksanakan perniagaan mereka secara digital. Kita juga telah membuat satu kajian yang tidak formal bahawa barang siapa yang tidak *adapt* ataupun *adopt* ataupun *embrace*—Minta maaf bahasa Inggeris itu, digital ekonomi ini ataupun *e-commerce* ini, dengan sendiri orang itu akan ketinggalan. Itulah kenapanya maka pihak kerajaan bersama dengan kementerian ini melaksanakan semua mekanisme dan infrastruktur berhubung dengan pendigitalan usahawan seluruh negara.

## ■1100

Peruntukan diberi bukan sahaja oleh kementerian saya tetapi oleh kerajaan menerusi MOSTI dan sebagainya dan *insya-Allah* kita akan berterusan dalam norma baharu ini untuk melaksanakan *e-commerce* digital ekonomi secara atas talian. Tuan Yang di-Pertua, masuk pasaran atas talian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Soalan tambahan kedua saya jemput Yang Berhormat Kubang Pasu selama 30 saat.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri sedar kah di kalangan penduduk dalam negara kita ini ada satu kelompok lagi iaitu mereka ini bukan mikro tetapi *super* mikro seperti mereka yang mendapat pembiayaan di bawah Amanah Ikhtiar.

Sementara orang lain dahulu dapatlah enam bulan moratorium, mereka ini ketinggalan. Jadi, apa kah Yang Berhormat Menteri tindakan yang boleh diambil untuk membantu mereka ini yang sebenarnya memang ramai dan menjadi *bread winner* terutamanya mereka yang berada di luar bandar membantu kelompok *super* mikro usahawan ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas soalan Yang Berhormat tadi bahawa ini memang satu perkara yang kita hadapi dan saya tahu telah membuat rancangan. Bukan sahaja mereka yang meminjam daripada AIM. Untuk penjelasan Dewan yang mulia ini bahawa AIM ini bukan juga di bawah MOF, bukan juga di bawah Kementerian MEDAC, dia adalah satu badan NGO.

Jadi, itulah kenapa saya sudah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya membawa AIM ini ke bawah Kementerian MEDAC supaya dapat kita kawal seliaan pembiayaan dan bantuan yang diberi oleh AIM. Itu yang pertama. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebagai *super* mikro ini memang tidak ada istilah kita. Kita ada mikro dan informal. Yakni yang informal Tuan Yang di-Pertua, mengikut jumlah yang kita ketahui sekarang ialah ada sebanyak RM1 juta iaitu peniaga-peniaga yang kecil tidak berdaftar dengan mana-mana pihak sama ada SSM, Lembaga Hasil Dalam Negeri, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya.

Saya telah mewujudkan satu jawatankuasa untuk mengadakan mesyuarat besar memanggil menjemput semua Yang Berhormat Menteri-menteri dan EXCO yang terlibat dengan keusahawanan di seluruh negara tetapi masa ini kita tidak boleh mengadakan mesyuarat oleh sebab dihalangkan oleh pihak kerajaan tidak boleh ada mesyuarat. Jadi, kita tangguhkan dahulu mesyuarat itu untuk mengenal pasti.

Kedua, saya juga menunggu banciaan yang dilaksanakan oleh pihak DOSM sekarang untuk mendapatkan jumlah yang sebenar. Ini kerana apabila saya tanya

dengan agensi-agensi yang berkenaan ada mengatakan sebanyak RM500,000. Ada mengatakan kementerian ini mengatakan ada sebanyak RM1 juta tetapi bahkan kita mengetahui ada lebih daripada itu lagi.

Jadi, itulah perbincangan ini dilaksanakan tetapi *timeline* saya dengan izin ialah pada bulan Disember yang akan datang ini kita akan mengadakan satu kertas untuk diserahkan dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk merangka satu tindakan secara holistik untuk membantu mereka yang dipanggil informal dan juga *super mikro* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan secara terperinci tentang agihan peruntukan RM100 juta yang diberikan kepada MITRA untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi kaum India. Adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan peruntukan MITRA kepada RM200 juta bagi tahun 2021.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan— mana Yang Berhormat Batu Gajah ini saya tidak nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sini sebelah kiri.

Di sebelah kiri atas sana.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Okey, okey *thank you*. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah atas soalan yang dibangkitkan. Saya ingin menjawab kepada soalan ini saya harap Yang Berhormat akan, Yang Berhormat sudah maklum pun. Saya pun sudah hantar sebelum ini kerana soalannya berkaitan kepada perkara yang sama tetapi kali ini saya jelaskan dengan lebih detil lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang diberikan kepada MITRA untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi bagi kaum masyarakat India. Bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM100 juta dan untuk makluman Yang Berhormat juga, MITRA telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) mulai daripada Disember 2018 sehingga Mac 2020.

Bermula daripada April 2020, pengurusan MITRA diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan bagi agihan peruntukan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut.

Pertama, dari bulan Januari 2020 sehingga Mac 2020 peruntukan MITRA di bawah JPM seperti yang saya jelaskan tadi berjumlah sebanyak RM34,886,579 juta dan pembahagian kepada jumlah sebanyak RM34,886,579 juta ini pembahagian pecahannya adalah sebanyak RM19,002,635 juta adalah untuk program yang telah diluluskan di bawah JPM bagi tahun 2020 iaitu sebanyak 107 program dan sebanyak RM15,883,944 juta adalah sebahagian daripada komitmen program sambungan



JPM pada tahun 2019 yang perlu dibayar berikutan kepada peruntukan yang ada pada tahun 2020 iaitu sebanyak 154 program.

Jadi, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat sebanyak 154 program sambungan yang saya sebutkan tadi yang melibatkan peruntukan yang telah saya jelaskan dia merupakan program yang mengambil tempoh masa pelaksanaan sehingga 18 bulan. Bagi April 2020 sehingga Disember 2020, peruntukan MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara adalah sebanyak RM65,113,421 juta dan pecahannya seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat.

Pertama pecahannya di bawah Program Modal Insan, peruntukan yang telah pun diperuntukkan adalah sebanyak RM20,241,598 juta, keusahawanan sebanyak RM14,090,626 juta dan kesejahteraan sosial sebanyak RM30,781,194 juta. Jadi, jumlah keseluruhannya di bawah peruntukan yang diletakkan untuk MITRA di bawah KPN ialah berjumlah sebanyak RM65,113,421 juta.

Bagi peruntukan sehingga akhir bulan Oktober kita ada lagi lebih sebanyak RM18,773,516 juta akan selesai dilaksanakan pada akhir tahun 2020 dan penyaluran peruntukan dibuat pada tahun semasa. Terima kasih Yang Berhormat. Satu lagi, soalan Yang Berhormat tanya tadi adakah KPN mengemukakan cadangan untuk permohonan sebanyak RM200 juta bagi bajet tahun 2021.

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat kementerian telah pun mengemukakan permohonan peruntukan tambahan bagi MITRA bagi Bajet 2021 kepada Unit Perancang Ekonomi dan kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tujuan penubuhan MITRA yang sebelum ini dikenali sebagai SEDIC adalah sangat murni iaitu untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi kaum India terutamanya golongan B40.

Justeru, puluhan juta ringgit telah disalurkan melalui pelbagai program dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini tetapi adakah kerajaan membuat apa-apa penilaian atau '*evaluasi*' untuk melihat impak atau kesan positif dari segi kemajuan dan pembangunan sosioekonomi yang dicapai oleh kaum India melalui program-program yang dilaksanakan oleh MITRA.

Jika tidak, adakah kerajaan bercadang untuk membuat penilaian yang sewajarnya supaya dana yang disalurkan tidak di sia-sia kan seperti mencurah garam ke dalam laut. Yang Berhormat Menteri, sila beri penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Gajah saya sudah maklumkan tadi, peruntukan sejumlah RM65 juta tadi. Itu yang telah pun diturunkan kepada KPM. Saya pun sudah sebut jumlah peruntukan yang telah pun dibelanjakan oleh MITRA sebelum ini. Oleh sebab

itu, sebelum ini pelaksanaan dia adalah asal ada permohonan daripada mana-mana NGO, MITRA akan luluskan. Asal ada permohonan, MITRA luluskan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sejak Kementerian Perpaduan Negara ini diwujudkan, saya telah menubuhkan dua buah jawatankuasa. Permohonan MITRA bukan lagi Yang Berhormat Menteri yang luluskan dan bukan lagi Ketua Pengarah MITRA yang luluskan, masa itu sudah berlalu.

#### ■1110

Jadi, segala permohonan peruntukan kepada geran MITRA akan melalui dua jawatankuasa yang telah saya wujudkan. Pertama ialah Jawatankuasa Penilai MITRA. Tujuannya untuk kita teliti, timbang, perakukan segala permohonan geran kewangan MITRA dan dipengerusikan Yang Berbahagia Datuk KSU saya. Ahlinya ialah Timbalan Ketua Setiausaha saya, Setiausaha Bahagian Dasar, Setiausaha Bahagian Pembangunan, Penasihat Undang-undang, Ketua Unit Integriti dan juga Ketua Unit Audit Dalaman dan urus setia adalah Ketua Pengarah MITRA.

Dalam pada kita memberikan kelulusan kepada mana-mana permohonan kertas untuk membuat pertimbangan dalam jawatankuasa penilai ini, Yang Berhormat Batu Gajah, saya juga telah pun menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pemantau MITRA. Maknanya, apa juga permohonan yang telah dinilai dan dipersetujui untuk diluluskan oleh pihak jawatankuasa penilai akan disalurkan geran peruntukan itu dan jawatankuasa pemantau akan memantau, memastikan segala pelaksanaan program dijalankan mengikut kepada tatacara dan juga kepada terma-terma perjanjian supaya segala program yang dilakukan akan sampai dengan sebaiknya kepada masyarakat India yang ada.

Jadi kita hendak pastikan ROI itu akan dapat dicapai dan saya harap Yang Berhormat akan berikan sokongan kepada kementerian saya di atas beberapa perubahan yang telah pun kita lakukan.

Bagi peruntukan tahun hadapan, kita akan kecilkan permohonan daripada NGO. Bukan sahaja permohonan NGO yang bersifat program berkala sebegitu tetapi kita akan berikan permohonan kepada NGO yang mungkin berdasarkan kepada projek basis supaya dapat diterjemahkan daripada segi pencapaian sosioekonomi masyarakat India yang ada. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta soalan tambahan?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kulai boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan yang kedua, sebelah ini. Dijemput...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sini, sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak gaya Yang Berhormat Menteri dan kementerian mempunyai komitmen yang tinggi untuk mempertingkatkan sosioekonomi masyarakat India.

Soalan saya iaitu apakah impak daripada program dan peruntukan berjuta-juta itu setelah dilaksanakan? Kedua, bagaimanakah pula dengan bangsa dan suku kaum yang lain? Ini kerana, di Malaysia ini kita berbagai-bagai etnik khususnya di Sabah dan Sarawak. Apakah juga ada peruntukan yang sama diagih-agihkan untuk mempertingkatkan sosioekonomi mereka? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Ketua Menteri selaku Ahli Parlimen Kinabatangan. Soalan yang baik itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan segala program yang kita laksanakan untuk MITRA adalah berdasarkan kepada *Malaysian Indian Blueprint*. Kita ada rangka tindakan untuk masyarakat India. Itu termasuklah di bawah modal insannya, keusahawanannya dan sebagainya.

Jadi, kita ada Pelan Rangka Tindakan *Malaysian Indian Blueprint* dan segala perancangan yang akan dibuat oleh pihak MITRA, Yang Amat Berhormat Timbalan Ketua Menteri, adalah berdasarkan kepada pelan *Malaysian Indian Blueprint* itu. Jadi, persoalan sama ada lain-lain kaum akan dapat menikmati peruntukan yang akan dibekalkan kepada MITRA, saya hendak memohon maaf kepada Yang Amat Berhormat kerana peruntukan MITRA ini hanya khusus masyarakat India Malaysia sahaja. Terima kasih.

**7. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah mekanisme pengukuran yang digunakan oleh kementerian bagi mengukur keberkesanan Kempen Membeli Barangan Malaysia membantu menggerakkan ekonomi selepas terkesan dengan wabak pandemik COVID-19.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat yang bertanya, jawapannya Kempen Beli Barangan Malaysia atau ringkasannya KBBM adalah merupakan sebuah inisiatif kerajaan bagi mempertingkatkan penggunaan barangan tempatan dan mengukuhkan ekonomi domestik.

Keberkesanan Kempen Beli Barangan Malaysia ini khususnya diukur berdasarkan kepada mekanisme pelaporan jumlah nilai jualan di sektor peruncitan

di negara ini di peringkat pasar raya besar asing dan juga tempatan, pasar raya serta kedai serbaneka dan platform atas talian (*market place*) yang turut serta dalam Kempen Beli Barangan Malaysia yang juga menjadikan rakan strategik kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Selain itu, mekanisme pengukuran juga mengambil kira jumlah *media viewership* berdasarkan promosi-promosi KBBM melalui semua platform media di negara ini meliputi pelbagai rangkaian yang terdiri daripada media cetak, media elektronik serta media sosial yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

Pada suku ketiga tahun 2020 iaitu pada tempoh bulan Julai hingga bulan September tahun 2020, melalui inisiatif penebusan produk-produk buatan Malaysia dalam sektor peruncitan di pelbagai rangkaian pasar raya besar (*hypermarket*) luar negara dan juga tempatan, pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia ini telah berjaya mencatatkan impak positif peningkatan nilai-nilai jualan produk-produk tempatan yang signifikan iaitu jumlah RM1,621,290,594.91 pada suku ketiga bagi tahun 2020 berbanding RM1,592,678,980.12 dalam tempoh yang sama pada suku ketiga bagi tahun lepas, tahun 2019. Jumlah ini mencatatkan peningkatan jumlah RM28,611,614.79 bersamaan sejumlah 1.8 peratus peningkatan. Peningkatan ini adalah merupakan satu petanda baik bagi sektor peruncitan di negara ini memandangkan negara kita masih lagi bergelut dengan pandemik COVID-19 dan juga PKP yang ketat.

Selain itu, nilai jualan bagi produk-produk buatan Malaysia juga telah mencatatkan peningkatan yang begitu besar di platform-platform atas talian ataupun *market place* utama di negara ini seperti *Shopee, Lazada, Presto Mall* dan *PG Mall*.

Pada suku ketiga tahun 2020, nilai jualan produk-produk buatan Malaysia di *market place* utama adalah berjumlah RM43,533,645.57 berbanding pada suku pertama tahun 2020 yang berjumlah RM7,437,702.26 yang mana peningkatan adalah sebanyak sejumlah 485 peratus. Jadi, ini peningkatan yang begitu ketara.

Bagi inisiatif promosi pelan media untuk mempromosikan KBBM secara menyeluruh pula, kementerian berjaya mencapai objektif yang disasarkan dengan jumlah capaian kumulatif melebihi seramai 14,753,101 orang penonton ataupun pendengar ataupun *viewership* bagi semua medium meliputi media cetak, media elektronik, media sosial dan media baharu yang melibatkan hampir semua pemilik media utama di negara ini.

Justeru, inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia yang dijalankan oleh kerajaan pada masa ini adalah begitu penting dan mampu menggerakkan semula permintaan domestik dan memulihkan sektor peruncitan khususnya dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara kita yang terkesan akibat daripada pelaksanaan PKP dan penularan wabak pandemik COVID-19. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan pertama. Sila Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Antara punca-punca yang boleh menjejaskan penjualan barang-barang tempatan ialah lambakan barang-barang dari luar negara.

■1120

Adakah kerajaan berhasrat untuk menyekat import barang-barang runcit yang boleh dikeluarkan oleh negara kita ataupun kerajaan menaikkan cukai import ke atas barang-barang tertentu yang dikira memberikan kesan pesaing kepada barang-barang yang dikeluarkan oleh rakyat tempatan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, negara Malaysia ini ialah negara yang berniaga. *We are a trading nation*. Jadi, sebanyak mungkin kita seharusnya *open policy*. Buat masa sekarang, kita tidak ada dasar untuk kita menyekat lambakan dan juga kita tidak melarang atau mengenakan cukai tertentu. Jadi, kita boleh lihat sekiranya ini betul-betul boleh berkesan untuk membantu dan melindungi pengusaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga kita, mungkin kita boleh lihat. Akan tetapi pada dasarnya, prinsipnya, negara Malaysia ini adalah lebih kepada *trading nation*. Jadi, *free trade*, ada *guidelines* tertentu. Sekian, terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tengok Yang Berhormat Pokok Sena sudah tiga kali. Yang Berhormat Permatang Pauh, baru dua kali saya. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Pokok Sena soalan tambahan kedua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Berapa banyak geran e-dagang yang telah pun digunakan oleh peniaga-peniaga ini selain daripada untuk tujuan domestik tetapi lebih tujuan untuk memastikan pasaran dari segi eksport barangan mereka ke luar negara? Itu satu.

Keduanya, kempen 'Belilah Barangan Buatan Malaysia' dan juga 'Berbelanjalah untuk Malaysia' ini lebih tertumpu kepada PKS ataupun SME. Akan tetapi sejauh mana kementerian Yang Berhormat menangani masalah penjaja-penjaja kecil supaya mereka juga mendapat manfaat daripada 'Berbelanjalah untuk Malaysia'. Mereka inilah yang banyak terkesan dalam suasana COVID-19 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Untuk jawapan yang pertama tadi, agak spesifik. Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya menyampaikan secara bertulis. Lebih adil dan lebih tepat nanti kepada Yang Berhormat yang bertanya. Pada bahagian yang kedua itu, untuk peniaga-peniaga kecil, memang ada pelbagai program bagaimana kita boleh bantu. Tadi saya dengar jawapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), memang bekerja rapat dengan KPNDHEP pun dalam hal ini.

Oleh sebab itu, disebutkan tadi dalam yang mikro, peniaga yang kecil, kita ada kaedah untuk kita hendak membantu. Cuma kekangannya, statistik dari segi apabila mereka tidak berdaftar, jadi mungkin di situlah mereka terkeluar daripada rangkaian untuk kita hendak membantu. Jadi, itu pun kita buat usaha sekarang. Saya ingat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi begitu gigih dalam usaha untuk memasukkan, membawa mereka ke dalam rangkaian ataupun *safety net* yang kita boleh berikan untuk kita membantu mereka yang betul-betul mikro ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya, Puan Maria Chin binti Abdullah.

**8. Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan mengapa MM2H (Malaysia My Second Home) telah dibekukan sementara permohonan MM2H baru sejak 1 Julai 2020 dan fail aktif dipulangkan kepada syarikat MM2H.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menjawab. Tempoh masa tiga minit.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya pada hari ini, izinkan saya juga untuk turut menjawab dan memberikan maklum balas kepada soalan ini bersekali dengan tiga pertanyaan lisan yang turut menyentuh perkara yang sama. Soalan-soalan berkenaan ialah dari Yang Berhormat Bintulu bertarikh 5 November, Yang Berhormat Cheras bertarikh 11 November, pertanyaan Yang Berhormat Bangi bertarikh 23 November.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk membekukan Program Malaysia Rumah Keduaku atau juga dikenali sebagai Malaysia My Second Home (MM2H) buat sementara waktu. Ini bagi memberikan ruang kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta agensi-

agensi berkaitan di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk menilai semula dan mengkaji secara komprehensif Program MM2H ini.

Selain itu, penutupan sempadan negara serta kawalan kemasukan warga negara asing ke negara ini sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu adalah masa terbaik bagi memberikan peluang kepada kerajaan untuk menjalankan penelitian semula terhadap program ini yang mana ia tidak pernah melalui semakan terperinci sejak ia dilancarkan pada tahun 2002.

Penelitian terperinci yang dijalankan ini merangkumi pelbagai aspek, antaranya termasuklah kriteria, syarat-syarat dan insentif yang bersesuaian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan pembekuan Program MM2H secara sementara ini, MOTAC selaku penyelaras kepada Program MM2H tidak dapat meneruskan pemprosesan permohonan baharu. Hal ini mengambil kira pemprosesan permohonan MM2H ini juga melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang turut terlibat dengan keputusan pembekuan sementara tersebut.

Sehubungan dengan itu, dokumen permohonan bagi penyertaan Program MM2H yang belum diproses telah dipulangkan semula kepada pemohon serta mengambil kira bahawa kemungkinan akan diperkenalkan syarat dan terma Program MM2H baharu apabila ia diaktifkan semula kelak selepas penelitian semula terhadap program ini selesai.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, MOTAC mengalu-alukan pemohon yang masih berminat untuk menyertai Program MM2H untuk membuat permohonan semula setelah Program MM2H diaktifkan semula kelak dengan mematuhi syarat dan terma semasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Petaling Jaya, soalan tambahan yang pertama. Tiga puluh saat.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Program MM2H ini adalah penting kerana ia membawa peruntukan sebanyak RM4 bilion setiap tahun pada Malaysia. Apabila program ini dibekukan dengan segera, ini mengakibatkan 6,000 orang pemohon yang telah hilang deposit pembayaran yang telah mereka buat. Ini bukan kerana mereka— bukan dalam proses ya, telah diproses dan kes mereka telah dipulangkan.

Adakah punca pembekuan MM2H ini disebabkan ada segelintir peserta MM2H yang bekerja tanpa permit kerja? Namun kenapa dihukum majoriti para pemohon yang ikhlas? Saya harap kerajaan boleh mengadakan perundingan dengan ejen-ejen dan juga NGO untuk mengkaji semula program ini. Bagaimanakah kerajaan boleh memberikan mereka bantuan kewangan? Ini kerana mereka telah

bayar deposit dan sebagainya. Selain itu juga, membuat latihan *capacity building* serta mengadakan satu pelan untuk mengembalikan program ini selepas COVID-19. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Menteri. Satu minit.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Sebenarnya, kita tidak membatalkan terus secara muktamad. Ia seperti yang saya nyatakan tadi, kita mengkaji semula dan membuat syarat-syarat tertentu. Oleh sebab itu, apa yang telah dikemukakan, permohonan itu dikembalikan bagi membolehkan mereka untuk nanti dapat menepati syarat-syarat yang baru.

Kita tidak mahu ia diberikan kepada kita tetapi selepas itu kita tahan dan mereka merasa mereka kerugian. Sebenarnya, deposit tidak hilang, pemohon boleh meminta semula dengan ejen yang mereka telah, dengan izin, *engaged*, Yang Berhormat. Penambahbaikan kepada Program MM2H nanti mungkin akan melibatkan isu-isu keselamatan, hartanah serta kesejahteraan dan impak ekonomi negara.

Oleh itu, adalah wajar untuk tangguh sementara sebelum penambahbaikan secara menyeluruh dapat dilaksanakan. Kita menyedari ini memberikan kesan kepada ekonomi kita. Ini ialah dua hala, bukan sahaja untuk membantu mereka tetapi kerajaan kita juga perlu memperbaharui syarat-syaratnya, terma-termanya bagi ia menjadi satu— untuk *the betterment of the system*, dengan izin. Itu sahaja. Terima kasih.

■1130

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, saya jemput soalan tambahan yang kedua. Sila Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program Malaysia Rumah Keduaku dibekukan buat sementara waktu oleh pihak kementerian. Jadi, saya hendak tanya kepada kementerian. Berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh pihak kementerian semenjak tahun 2018 sehingga kini? Serta minta kementerian menyatakan warganegara manakah yang mencatatkan jumlah permohonan tertinggi yang memilih Malaysia sebagai rumah kedua mereka? Mohon jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Jikalau dikira dari tahun 2018, pada tahun 2018 sahaja jumlahnya— tadi jumlah dari segi kewangan, kalau daripada segi kewangan sebanyak RM2,761,863,454. Pada tahun 2019 pula ada RM2,584,213,990, untuk tahun 2020 pula ada sebanyak RM214,035,325.



Jadi daripada segi kependudukan dari negara-negara yang berminat kalau tidak silap saya di sini ada— yang pertama adalah negara China diikuti oleh negara Jepun, Bangladesh, *Republic of Korea*, United Kingdom, Hong Kong, Singapura, Taiwan, Iran dan India. Ada 10 buah negara. Dari segi kategori prinsipalnya adalah 31,174 orang dan dari segi tanggungannya pula ada 32,584 orang peserta. Jadi, jumlah keseluruhannya adalah 66,458 orang. Terima kasih.

**9. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memantapkan operasi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Sistem Rondaan Sukarela (SRS) di seluruh negara dan juga menyatakan inisiatif untuk menarik minat masyarakat untuk menyertai KRT dan SRS.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Machang, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Machang pada hari ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Batang Lumar yang bertarikh 2 Disember 2020 yang juga turut menyentuh perkara berkaitan dengan Rukun Tetangga. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Machang, KRT adalah merupakan satu usaha untuk memperkasakan kepimpinan komuniti dan berdasarkan kepada konsep kejranaan yang termaktub di bawah Akta Rukun Tetangga 2012. KRT memberikan penekanan kepada aspek kejranaan dan semangat komuniti, rasa kesempunyaan, kualiti hidup bermasyarakat dan penglibatan komuniti itu sendiri.

Jadi, maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan maksud SRS seperti dalam soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang. SRS pula merupakan satu organisasi sukarelawan keselamatan komuniti di bawah KRT. Maksudnya SRS adalah di bawah KRT, kalau tidak ada KRT, tidak ada SRS. Jadi, maka kerana itu untuk tahun 2021 kita hendak letakkan 1KRT 1SRS. Semua KRT mesti ada SRS.

Sehingga Oktober 2020 Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 8,274 kawasan Rukun Tetangga dan sebanyak 5,333 Skim Rondaan Sukarela telah ditubuhkan di seluruh negara. Skim Rondaan Sukarela ini Tuan Yang di-Pertua, nama ringkasnya kita panggil SRS dan Kawasan Rukun Tetangga kita namakan sebagai KRT, selepas ini saya akan sebutkan.

Pada tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara akan melaksanakan penjenamaan semula bagi memantapkan semua 8,274 KRT dan sebanyak 5,333 SRS. Penambahan juga akan dilakukan bagi bilangan Kawasan Rukun Tetangga dan SRS bagi tahun hadapan, tahun 2021 Tuan Yang di-Pertua iaitu sasaran sebanyak 3,000 KRT baharu, sasaran sebanyak 5,941 SRS. Pelaksanaan dasar 1KRT 1SRS ia akan menghasilkan sebanyak 11,274 KRT bersamaan dengan 11,274 SRS.

Satu sistem penilaian yang lebih sistematik untuk kita menilai pencapaian sesuatu KRT itu dan sistem penilaian standard prestasi KRT ataupun *star rating* berdasarkan kepada kriteria iaitu:

- (i) pengurusan pentadbiran;
- (ii) pengurusan kewangan;
- (iii) sistem maklumat;
- (iv) pengurusan program dan aktiviti perpaduan; dan
- (v) penglibatan kepelbagaian kaum.

Seterusnya, juga akan diadakan dalam soal yang berkaitan dengan lebih memantapkan— bagaimana untuk lebih memantapkan KRT dan SRS. Latihan kepimpinan ahli jawatankuasa KRT dan SRS, KPN akan melaksanakan latihan bersepadu yang berstruktur bersama dengan AJK, semua anggota yang melalui pelaksanaan kursus kepimpinan, kursus asas bantu mula dan lain-lain.

Bagaimana inisiatif untuk menarik minat komuniti untuk menyertai KRT dan SRS. Tuan Yang di-Pertua? Pelaksanaan modul gerak kerja komuniti KRT akan diperkenalkan pada tahun hadapan. Bersama-sama dengan rakan-rakan strategik perpaduan yang terdiri daripada kementerian-kementerian, agensi-agensi dan sebagainya.

Peranan KRT, ini menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Lupar. Peranan KRT dan SRS dalam menangani COVID-19. SRS di bawah KRT dalam zon hijau akan menjalankan, sekiranya diarahkan oleh kerajaan akan menjalankan aktiviti rondaan kawalan berskala kecil semasa tempoh PKP berdasarkan kepada SOP yang telah pun disediakan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Untuk makluman Yang Berhormat Batang Lupar juga, Kementerian Perpaduan Negara telah pun memberikan peruntukan sebanyak RM1,589,510 untuk pembelian kelengkapan seperti *sanitizer*, *mask*, wisel, lampu picit, *walkie-talkie* dan sebagainya kepada 1,079 orang SRS yang akan memberikan perkhidmatan kawalan komuniti di kawasan zon hijau. Kementerian juga telah menyalurkan peruntukan

sebanyak RM340,000 bagi penyediaan PPE yang dijahit sendiri yang disediakan sendiri oleh KRT.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pengukuhan operasi. Di bawah pengukuhan operasi KRT di bawah kementerian, pemberian geran, ini persoalan yang berbangkit kepada Yang Berhormat Machang. Pemberian geran tahunan yang tetap akan diberikan kepada KRT dan SRS dan akhirnya akan diberikan pengiktirafan, penghargaan dalam bentuk anugerah Rukun Tetangga dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan pertama.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang cukup panjang daripada Yang Berhormat Menteri. Ia satu langkah yang cukup baik dan bijak oleh pihak kementerian untuk mewujudkan 1KRT 1SRS ini. Peranan SRS ini jelas amat berkesan di dalam membantu pihak polis, pihak keselamatan di dalam menjaga keselamatan dan kadar jenayah menurun di kawasan-kawasan yang terlibat dengan kawasan rondaan SRS ini.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian bercadang atau tidak untuk meminda Akta Rukun Tetangga 2012 yang mana ia boleh memberikan peranan dan tanggungjawab yang lebih untuk membantu anggota keselamatan di dalam membendung jenayah yang berlaku di kawasan-kawasan yang dikawal oleh SRS ini serta ada atau tidak pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan satu skim perlindungan insurans kepada anggota-anggota SRS yang telah terlibat di kawasan kawalan mereka masing-masing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Machang. Saya hendak memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020, maka adalah wajar Akta Rukun Tetangga 2012 ini diberikan nafas baharu.

#### ■1140

Memang wajar untuk dinilai kembali dan itu adalah hasrat kementerian sebenarnya. Untuk kita pinda beberapa seksyen yang ada bagi kita memperluaskan penambahbaikan keberkesanan fungsi dan juga skop jawatankuasa KRT dan SRS seperti yang dinyatakan Yang Berhormat Machang tadi, sebagai jentera utama untuk membantu kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan dan penyampaian dasar-dasar kerajaan di peringkat komuniti.

Keduanya, proses penjenamaan semula Rukun Tetangga sekali gus akan memberikan nilai tambah kepada peningkatan ilmu, kemahiran, imej Rukun Tetangga berdasarkan kepada Pelan Tindakan Perpaduan. Ini saya sudah jawab pada soalan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat.

Berkaitan dengan skim insurans berkelompok, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Machang Tuan Yang di-Pertua, skim insurans berkelompok untuk KRT dan SRS – kita sudah berikan sejak daripada tahun 2013 dan kepada semua ahli jawatankuasa KRT, SRS dan juga mediator komuniti. Sejak 2013 telah pun diberikan. Manfaat daripada insurans ini – mungkin saya boleh sebut satu, dua atau tiga;

- (i) bagi kematian atau kemalangan semasa SRS bertugas, nilai perlindungan RM40,000;
- (ii) kematian akibat kemalangan di luar waktu bertugas, nilai perlindungan RM20,000;
- (iii) kecacatan kekal menyeluruh akibat kemalangan semasa bertugas RM20,000;
- (iv) elaun harian hospital akibat kemalangan semasa bertugas, maksimum 60 hari bagi setahun, RM50 sehari;
- (v) kecacatan tak kekal akibat daripada kemalangan semasa bertugas maksimum 60 hari dalam setahun sebanyak RM50 sehari;
- (vi) elaun perubatan hospital akibat daripada kemalangan semasa bertugas maksimum bagi setiap kemalangan ialah RM1,500; dan
- (vii) khairat kematian atas semua sebab sebanyak RM1,500.

Saya harap saya telah menjawab kepada soalan daripada Yang Berhormat Machang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat semua.

### **UCAPAN TAKZIAH**

#### **Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Datuk Liew Vui Keong**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih, seperti semua sedia maklum bahawa Yang Berhormat

Datuk Liew Vui Keong, Ahli Parlimen Batu Sapi telah meninggal dunia pada hari Jumaat 2 Oktober 2020 yang lepas.

Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Rakyat dan pihak Parlimen Malaysia seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada isteri mendiang Yang Berbahagia Datin Dr. Lindai Lee dan seluruh ahli keluarga beliau. Sesungguhnya jasa dan bakti mendiang Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong akan sentiasa dikenang dalam memainkan peranan penting untuk pembaharuan undang-undang dan hak asasi manusia di negara ini yang cukup berdedikasi sepanjang tempoh perkhidmatan mendiang sebagai Ahli Parlimen dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebelum ini.

Sesungguhnya pemergian mendiang ini adalah satu kehilangan besar kepada negara dan juga kepada Dewan Rakyat khasnya. Oleh yang demikian saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun dan diminta bertafakur selama satu minit. Silakan.

*[Ahli-ahli bangun bertafakur]*

Terima kasih semua.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PINDAAN) 2020**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KILANG DAN JENTERA (PEMANSUHAN) 2020**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Kilang dan Jentera 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat ini.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.46 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)**  
**[Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul ke dalam Dewan ini. Namun demikian sebelum itu saya ingin memberi sedikit latar belakang terhadap usul ini dan kenapa dan mengapa ia dibawa pada pagi ini.

Pada pukul 10.37 pagi tadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah mempengerusikan satu mesyuarat khas tergempar yang dihadiri oleh Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Kota Bharu serta Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Labuan. Bertempat di Bilik Mesyuarat Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tujuan mesyuarat tergempar tersebut diadakan adalah untuk semua wakil Ahli-ahli Yang Berhormat membincangkan satu perkara yang diberikan keutamaan dalam persidangan kita pada kali ini. Dua keutamaan. Pertama, keutamaan usaha untuk menangani masalah COVID-19 dan kedua keutamaan sidang Parlimen yang memberikan fokus kepada Bajet 2021.

Dengan mengambil kira keadaan penularan gelombang ketiga ataupun *third wave* COVID-19 yang mana pada sehingga 1 November 2020 iaitu semalam, jumlah kes terkumpul adalah 32,505 kes. Manakala kes kematian adalah 249 termasuk 97 yang berada di ICU yang mana 27 menggunakan alat bantuan pernafasan.

Bangunan Parlimen terletak di dalam kawasan Parlimen Segambut dan ia di bawah pentadbiran Pusat Kesihatan Daerah Kepong.

Mesyuarat tersebut telah mengambil beberapa ketetapan:

- (i) suatu norma baharu berhubung dengan persidangan terpaksa diambil berdasarkan kepada faktor-faktor tadi dengan syarat apa-apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan pihak Dewan ini tidak menjejaskan hak Ahli-ahli Parlimen untuk bertanya soalan, untuk berbahas dan untuk mengundi di dalam Dewan ini;

- (ii) pihak Parlimen akan mengendalikan satu tatacara pentadbiran yang melibatkan catatan kehadiran Ahli-ahli Parlimen dan keluar masuk ke dalam Dewan; dan
- (iii) ketua-ketua parti akan diberikan arahan daripada semasa ke semasa bagi memenuhi segala SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Parlimen.

**■1150**

Berdasarkan kepada latar belakang ini yang telah mendapat persetujuan sepenuhnya ahli-ahli mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka kini saya membawa satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Saya ingin bacakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan pada pukul 1 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 3 November 2020.”

Saya mohon mengusulkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan, penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Bayan Baru. Saya mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa ini satu Mesyuarat yang diadakan pada pagi ini dan ini amat terkejutlah buat semua Ahli Dewan di sini. Saya nampak bahawa ada persiapan untuk Dewan Rakyat ini telah dilaksanakan dengan begitu baik oleh Kementerian Kesihatan. Semua Ahli Dewan telah mendapat *COVID-19 test* dan semua SOP dijaga dengan baik.

Oleh itu, saya amat terkejut jika masa bersidang ini dipendekkan sehingga hanya jam 1 petang. Ini kerana kita ada banyak usul, dan kita ada banyak perkara yang perlu dibahaskan. Kalau kita pendekkan masa untuk Dewan bersidang, maka akan terjejas urusan-urusan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Saya nampak bahawa rasional untuk...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Boleh saya jelaskan, Yang Berhormat?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kejap, kejap, ya. Sikit saja. Sikit.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Saya rasa saya sudah faham soalan. Saya boleh jelaskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit saja. Saya tidak nampak rasional untuk kurangkan masa kerana COVID-19 ini ia *attack* bila-bila masa. COVID-19 tidak

bercuti selepas pukul 1 petang ya. Atau ia tidak bercuti pada pukul 10 pagi sampai pukul 1 petang.

Saya nampak bahawa ada keperluan kerana kerajaan sekarang besar. Patutnya berusaha untuk membawa lebih banyak dasar atau rang undang-undang untuk membantu rakyat. Kalau kita hanya bercuti, maka...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Bagi saya jawab, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Banyak undang-undang tidak dapat dilaksanakan dan dibahaskan, ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Yang Berhormat cakap, merugikan masa. Merugikan masa Dewan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, saya mohon supaya...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Bagi saya jelaskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya amat kecewalah dengan keputusan ini..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Boleh saya jelaskan, Yang Berhormat?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, boleh. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Bayan Baru.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, bahawa mesyuarat khas yang telah diadakan dikendalikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri sebagai Yang di-Pertua kita telah dihadiri oleh semua wakil parti. Yang Berhormat Seremban bagi pihak DAP; Yang Berhormat Sungai Petani bagi pihak Keadilan; Yang Berhormat Hulu Langat bagi pihak AMANAH; Yang Berhormat Labuan bagi pihak WARISAN. Semua ketua *Whip* telah dipanggil dan satu *consensus* telah dicapai, satu persetujuan bersama. Dan juga saya tidak ingat hendak sebutkan wakil daripada Ketua Pengarah Kesihatan juga hadir dalam Mesyuarat tadi.

Jadi, mengambil kira segala pandangan yang telah diberikan oleh mana-mana pihak, *without prejudice*, langsung tidak ada prejudis terhadap persidangan ini, sebagaimana saya sebut, beberapa ketetapan yang akan dibuat, yang akan diterangkan oleh ketua-ketua *Whip* ini kepada Ahli Parlimen masing-masing yang langsung tidak menyentuh hak dan juga tempoh masa untuk perbincangan bajet dan sebagainya. Semuanya telah dipersetujui. Tidak ada langsung walaupun ada lah yang saya rasa tidak perlu saya jelaskan secara *detail* di sini kerana telah dijelaskan.

Satu perkembangan yang saya hendak beritahu. Sepatutnya kita tidak uar-uarkan perkara ini untuk kepentingan awam. Beberapa orang kakitangan Dewan Negara telah disahkan COVID-19 dan dijangka ada Ahli Dewan Negara



kemungkinan positif kerana pegawai tersebut adalah *attach* kepada Ahli Dewan Negara ini dan mempunyai kaitan keluarga. Jadi, itu perkembangan-perkembangan yang membimbangkan kita.

Jadi, saya rasa perlu Ahli-ahli Yang Berhormat mendapatkan penjelasan daripada ketua *Whip* masing-masing yang telah bersetuju untuk kita membuat sedikit *adjustment* berhubung dengan tempoh masa persidangan. Tidak ada persidangan di sebelah petang.

Kerana saya hendak sebut kepada Ahli Yang Berhormat, saya berada di Parlimen sejak empat, lima hari sebelum persidangan ini. Sehingga semalam, kita mengadakan *sanitization*. Satu sesi dijalankan oleh Unit HAZMAT dan STORM dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Satu sesi mengambil masa lebih daripada dua jam. Dewan ini dibuat *sanitization* setiap pagi bermula pukul 7 pagi sehinggalah pukul 9.30 pagi ini untuk kita bersidang pada hari ini.

Saya bukan seorang doktor perubatan yang boleh mengesahkan perkara ini tetapi kami dinasihatkan oleh pihak Kementerian Kesihatan bahawa risikonya amat tinggi. Itu *term* yang digunakan. Kedudukan kita dalam keadaan yang tertutup seumpama ini, walaupun kita mempunyai cermin ini, tetapi sejauh mana ia boleh membantu kita mengelakkan penularan ini? Akan tetapi, Kementerian Kesihatan mengatakan lebih lama kita berada bersama dalam keadaan ini, risikonya adalah amat tinggi sekali.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, satu soalan saja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Atas dasar itulah, kita menjalankan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Soalan. Soalan ringkas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** ...Supaya perkara ini dibawakan di sini tanpa prejudis. *Without any prejudice at all cost.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, satu soalan singkat ya. Saya nak tanya, adakah persidangan pukul 10 pagi sampai pukul 1 petang di-*apply* untuk seluruh 27 hari atau hanya minggu ini sahaja? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu sedang diperhalusi oleh pihak Yang Berhormat Menteri dan juga pihak-pihak yang menghadiri mesyuarat tadi, ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Satu soalan juga.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Boleh saya sebutkan, Yang Berhormat ya. Ini mungkin *apply* untuk *this week only*. Sebelum Bajet. Yang selepas Bajet itu akan dibincangkan pula dengan ketua-ketua parti. Itu akan dibincangkan lagi.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya hendak bangkitkan soalan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Kalau susah, kita pergi tukar kerajaanlah, senang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa fasal cakap macam itu?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya ada satu permintaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kena-mengena dengan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada soalan kepada menteri, Tuan Yang di-Pertua jawablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada usul P.M. 12(1) yang sepatutnya saya kemukakan masalah tanpa perbahasan. Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan jawab soalan bagi pihak Yang Berhormat Menteri boleh tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa jawab?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Just now you*— tadi Yang Berhormat Menteri ditanya oleh itu, Tuan Yang di-Pertua yang jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya memberi penerangan kerana saya yang mempengerusikan mesyuarat itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Come on* lah, Tuan Yang di-Pertua. *We are tired*—lah with this kind of attitude. [*Dewan riuh*]

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Sepang duduklah, Yang Berhormat Sepang. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu permintaan ataupun minta satu penjelasan. Memandangkan bahawa sidang untuk minggu ini akan dipendekkan sampai pukul 1 petang dan telah dipersetujui oleh semua dan saya pun tidak ada bantahan, tetapi boleh saya minta tidak untuk Mesyuarat yang akan diadakan berbincang supaya jumlah hari untuk kita bersidang boleh ditambah lagi memandangkan bahawa minggu ini kita hanya ada setengah hari, bukan sampai pukul 5.30 petang.

Jadi, saya mintalah sekurang-kurangnya untuk persidangan yang akan datang ini, kita panjangkan sekurang-kurangnya untuk satu minggu lagi untuk memastikan bahawa kita Ahli Parlimen, semua orang mempunyai masa yang mencukupi untuk membahaskan rang undang-undang yang akan dibentangkan. Itu permintaan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kalau kita adakan *virtual Parliament*, semua ini dapat diselesaikan. Kalau negara-negara lain, *British Democratic System*, ramai di antara— dan banyak antara

Parlimen sekarang boleh ada *virtual Parliament*. Kenapakah Malaysia tidak boleh? Kalau ada perubahan-perubahan dengan Peraturan Mesyuarat, *we can do it immediately*. Tidak ada masalah. *Why don't we give priority to that than other matters?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong usul ini?

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Macam mana *Whip* kata setuju tetapi dia orang tidak setuju? *What is this man?*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Peraturan Mesyuarat 12(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 12(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya.

#### ■1200

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya hendak dapatkan — memandangkan usul tadi telah diluluskan, saya hendak dapat sedikit penerangan. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa, usul ini adalah untuk minggu ini sahaja tetapi tidak disebut dalam usul. *So, this still open-ended* dengan izin.

Bolehkah, saya dapat satu kepastian kerana sesungguhnya Ketua Whip telah bersetuju tapi ketua-ketua parti masih belum dimaklumkan? Saya tadi bincang dengan Ketua Pembangkang dan juga rakan saya. Ketiga-tiga tidak tahu. Akan tetapi tentulah kita hormat apa yang dicapai.

Akan tetapi saya hendak dapat *briefing* daripada Yang Berhormat Seremban sebelum kita membuat keputusan daripada pihak parti dan juga PH. Ini kerana, ini adalah sesuatu *unprecedented*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita minta bahawa Tuan Yang di-Pertua sebut di sini bahawa sekurang-kurangnya kita buat untuk hari ini, saya dapat maklum balas dan kita bincang? Saya rasa perkara ini amat penting kerana ia melibatkan *sovereignty and supremacy of Parliament*. Jangan hakis hak-hak Ahli-ahli Parlimen di sini untuk berbahas seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Yang Berhormat, setiap usul itu hanya untuk hari itu sahaja. Untuk hari ini, pada pagi ini. Untuk esok, untuk hari Rabu, hari Khamis, setiap hari.

Jadi oleh sebab itulah saya katakan, untuk persidangan yang melibatkan Bajet, kita belum putuskan lagi. So, my usul tadi adalah *just for today*. Esok, usul esok pula.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** [Bangun]

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya, ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Esok lain ceritalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Esok masih ada.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Jadi, kena buat usul lagilah.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(10)(c), seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa saya telah menulis sepucuk surat kepada pejabat Tuan Yang di-Pertua berkenaan isu ataupun kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh di sini yang bagi saya akan menimbulkan sakit hati orang ramai di luar.

Jadi, sekarang Yang Berhormat Pasir Puteh ada di sini, ini satu peluang keemasan untuk menyelesaikan masalah ini. Saya suruh Tuan Yang di-Pertua menyuruh beliau untuk menarik balik kenyataan tersebut dan juga minta maaf kepada seluruh warga Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tentang perkara ini, boleh tidak kita tangani esok pagi?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Esok pagi sebab saya terlupa tentang koresponden yang telah diberikan beberapa minggu lalu. Maafkan saya. Esok pagi ya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya berjanji esok pagi. Yang Berhormat Menteri, silakan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk menyemak semula Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dibacakan kali kedua sekarang.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Prihatin. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Koperasi 1993 telah diwartakan mula berkuat kuasa pada 22 Januari 1994. Akta ini adalah bertujuan untuk menggalakkan perkembangan koperasi mengikut nilai-nilai kejujuran, kebolehpercayaan dan ketelusan bagi menyumbang ke arah mencapai objektif sosioekonomi negara dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akta Koperasi ini di telah dipinda beberapa kali dan pindaan yang terakhir telah dibuat pada tahun 2007. Pindaan tersebut bertujuan untuk memperkukuhkan elemen pengawalseliaan ke atas koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sekarang dikenali sebagai Suruhanjaya Koperasi di samping menyelaras pelaksanaan Akta Koperasi dan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berpandangan bahawa Akta Koperasi 1993 perlu disemak semula bagi menambah baik penyeliaan dan kawalan sektor koperasi supaya ia kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa dan luar negara.

Selain itu, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Suruhanjaya Koperasi juga ingin memastikan pindaan akta ini akan menjadi pemudah cara kepada gerakan koperasi di negara ini untuk terlibat dalam bidang perniagaan dan yang berprofil tinggi bagi menjana pendapatan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Dalam konteks ini, pihak kementerian berpandangan bahawa gerakan koperasi adalah merupakan satu platform terbaik untuk menjadi jentera penggerak kepada sektor ekonomi negara ini. Ia juga sejajar dengan peranan Suruhanjaya Koperasi yang bertanggungjawab untuk mengukuhkan prestasi dan produktiviti sektor koperasi selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang menasarkankan sumbangan perolehan koperasi sebanyak RM100 bilion menjelang tahun 2030.

Sehingga 31 Disember 2019, terdapat sebanyak 14,625 buah koperasi berdaftar yang mempunyai kekuatan seramai 6.09 juta anggota dengan modal *share* dan yuran berjumlah RM15.39 bilion serta aset bernilai RM146.78 bilion.

Dari segi pencapaian, gerakan koperasi telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM45.79 bilion. Purata pertumbuhan perolehan sektor koperasi setiap tahun meningkat sebanyak 3.97 peratus dari tahun 2014 hingga tahun 2019.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Suruhanjaya Koperasi telah mengadakan beberapa kali libat urus iaitu *engagement* bersama agensi yang berkaitan serta mengadakan sesi konsultasi bersama beberapa koperasi terpilih selain turut melaksanakan *online public engagement* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2018 hingga bulan Disember 2019.

Hasil perbincangan daripada sesi tersebut menunjukkan bahawa pihak koperasi dan agensi yang berkaitan tidak bantahan untuk menambah baik Akta Koperasi 1993. Di antara maklum balas yang diterima hasil daripada sesi konsultasi adalah termasuk beberapa perkara seperti berikut:

- (i) pengurangan bilangan anggota bagi tujuan pendaftaran koperasi;
- (ii) pengurangan bilangan ahli lembaga pengarah dan ahli jawatankuasa audit dalam tujuan memudah cara tadbir urus koperasi;
- (iii) memansuhkan kelulusan suruhanjaya dalam penggunaan logo oleh koperasi;
- (iv) memudahkan pengurusan harta pulangan atau kepentingan anggota si mati yang beragama Islam; dan
- (v) membatalkan sesuatu koperasi akibat kekurangan keanggotaan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif pertama akta dicadangkan adalah:

- (i) memperkukuhkan elemen kawal seliaan ke atas koperasi;
- (ii) menyelaras pelaksanaan Akta Koperasi 1993 dan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007;
- (iii) memastikan sektor koperasi kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa;
- (iv) pemudah cara kepada gerakan koperasi untuk terlibat dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini melibatkan sembilan cadangan pindaan merangkumi 11 fasal kesemuanya. Antara fasal pindaan utama dalam rang undang-undang ini ialah,

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta Koperasi 1993 yang dicadangkan.

#### ■1210

Fasal 2 bertujuan untuk meminda perenggan 5(1)(a) Akta Koperasi 1993 untuk memperkukuhkan bahawa suatu koperasi yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 20 orang boleh didaftarkan sebagai koperasi asas. Pada masa ini, satu koperasi dikehendaki terdiri daripada sekurang-kurangnya 50 orang sebelum ia boleh didaftarkan sebagai satu koperasi asas.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta Koperasi 1993. Subfasal 3(a) bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(a) Akta Koperasi 1993 untuk memperuntukkan bahawa sekurang-kurangnya lima orang hendaklah menandatangani borang permohonan bagi pendaftaran sesuatu koperasi asas. Pada masa ini, sekurang-kurangnya 10 orang dikehendaki untuk menandatangani permohonan sedemikian.

Subfasal 3(b) bertujuan untuk meminda perenggan 6(2)(b) Akta Koperasi 1993 untuk menghendaki minit mesyuarat agung yang dikemukakan bersama dengan permohonan untuk pendaftaran satu koperasi asas untuk ditandatangani oleh sekurang-kurangnya 10 orang yang hadir. Pada masa ini, sekurang-kurangnya 25 orang yang hadir dikehendaki untuk menandatangani minit itu.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 8(1) Akta Koperasi 1993 untuk membenarkan Suruhanjaya, di bawah peruntukan khas, untuk mendaftarkan satu koperasi yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang. Pada masa ini, suatu koperasi dikehendaki terdiri daripada sekurang-kurangnya 20 orang. Ini satu kriteria profesional dan teknikal, Tuan Yang di-Pertua. Koperasi profesional.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 12(b) Akta Koperasi 1993 untuk menggugurkan kehendak yang dikenakan ke atas suatu koperasi untuk mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya sebelum koperasi itu boleh mempamerkan nama dan logo lainnya di setiap cawangan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda perenggan 24(1)(a) Akta Koperasi 1993 untuk membenarkan pemindahan syer, pulangan atau kepentingan kepada orang yang dinamakan iaitu *nominee* oleh seseorang anggota yang beragama Islam yang meninggal dunia dan untuk mengadakan peruntukan bagi pengesahan apa-apa penamaan penama oleh seseorang anggota suatu koperasi yang beragama Islam yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta Koperasi 1993 untuk mengurangkan bilangan minimum yang dikehendaki bagi anggota lembaga suatu koperasi daripada enam kepada tiga orang sahaja.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda subseksyen 42A(1) Akta Koperasi 1993 untuk mengurangkan bilangan minimum yang dikehendaki bagi anggota Jawatankuasa Audit Dalam sesuatu koperasi daripada tiga kepada dua orang.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 50 Akta Koperasi untuk memperuntukkan bahawa kumpulan wang sesuatu koperasi boleh diperdapatkan melalui pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan berlesen dan koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 72(1) Akta Koperasi untuk memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran sesuatu koperasi jika bilangan anggotanya telah berkurangan sehingga kurang daripada lima orang. Pada masa ini, Suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran sesuatu koperasi jika bilangan anggotanya telah berkurangan sehingga kurang daripada 15 orang.

Fasal 11 mengandungi peruntukan peralihan.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya telah menerima senarai pembahas. Pertamanya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Pasir Mas untuk memulakan perbincangan. Selama 20 minit Yang Berhormat.

**12.16 tgh.**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Saya rakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian di dalam perbincangan rang undang-undang untuk meminda Akta Koperasi 1993 yang selepas ini akan dikenali sebagai Akta Koperasi (Pindaan) 2020.

Kita tahu bahawa aspek kerjasama dalam memperkasakan ekonomi sebenarnya sudah lama wujud dalam kehidupan manusia. Bermula dengan amalan



*barter trade* iaitu penukaran barang dengan barang sehinggalah kepada pengenalan wang kertas. Ekonomi manusia berkembang sehingga menjadikan aspek kerjasama antara satu sama lain menjadi syarat penting untuk memperkasakan ekonomi dan menambahkan pendapatan.

Allah SWT merakamkan kesungguhan manusia memperkasakan ekonomi ini di dalam firman-Nya, [*Membaca Surah Quraisy*) yang bermaksud, “*Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Mekah) iaitu kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka. Pada musim sejuk mereka ke Yaman dan pada musim panas, mereka ke Syam untuk berniaga. Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah iaitu Kaabah ini, Tuhan yang memberikan mereka penghidupan, menyelamatkan mereka daripada kelaparan dan mengamankan mereka daripada ketakutan.*”

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan pindaan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan ini, kita melihat ia merupakan satu langkah yang tepat pada masanya bagi memastikan penubuhan koperasi dipermudahkan manakala pembubaran atau penutupan koperasi dipersulitkan. Ia bermaksud kerajaan berhasrat agar lebih banyak koperasi dapat diwujudkan di samping memberikan ruang dan peluang yang lebih besar kepada pihak pengurusan untuk menguruskan koperasi tanpa hambatan oleh undang-undang yang boleh menyebabkan pendaftaran koperasi dibatalkan.

Di dalam ucapan ini, suka untuk saya melontarkan beberapa cadangan dan beberapa lontaran untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan iaitu pertama, galakan dan pendidikan keusahawanan dan koperasi. Usaha kerajaan dalam membantu memudahkan urusan mendaftarkan syarikat akan membantu lebih ramai rakyat terlibat dalam perniagaan koperasi. Namun begitu, galakan dan pendidikan haruslah diteruskan bukan sahaja dalam kalangan orang dewasa dan luar bandar tetapi juga terhadap mahasiswa yang kelak harus dilihat sebagai modal insan yang akan membantu lonjakan syarikat-syarikat baharu berasaskan teknologi, saiz dan kejuruteraan. Ini juga selari dengan hasrat kerajaan bagi membantu mengurangkan pengangguran mahasiswa pasca graduasi.

Justeru, diharapkan di peringkat mahasiswa dan anak muda khususnya, lebih banyak latihan dan pendidikan secara atas talian dapat diusahakan oleh Kementerian Keusahawanan dan Koperasi bagi membuka pemikiran mahasiswa dalam bidang keusahawanan. Kita tahu bahawa setiap tahun, lebih daripada sejumlah 200,000 mahasiswa akan bergraduasi daripada *first graduate* mereka, mereka akan bergraduasi dan ini ditambah pula dengan lambakan pekerja-pekerja yang diberhentikan daripada sektor pekerjaan masing-masing.

Sebagai mana disebut tadi, bagaimana tragedi-tragedi ataupun insiden-insiden pemberhentian pekerja di syarikat-syarikat penerbangan. Dua hari lepas syarikat Malindo Air memberhentikan lebih daripada seramai 2,000 orang pekerja mereka. Begitu juga dengan syarikat-syarikat penebangan yang lain. Ini menjadikan lambakan mereka yang tidak ada pekerjaan dalam masyarakat ini semakin ramai dan di sinilah pentingnya untuk kerajaan melihat bahawa golongan anak muda dan mahasiswa ini perlu diberikan suatu dimensi baharu dalam meneroka dunia keusahawanan. Ia boleh dilakukan melalui inisiatif yang dibuka ataupun yang diusahakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Justeru, balik kepada cadangan saya tadi, bahawa hendaklah penubuhan koperasi ini bukan sahaja merujuk ataupun bukan sahaja menjadikan golongan luar bandar dan juga mereka yang sudah pun berada di alam pekerjaan begitu lama untuk menubuhkan koperasi, tetapi juga menyasarkan anak-anak muda yang masih lagi berjinak-jinak atau bertatih dalam dunia keusahawanan. Tuan Yang di-Pertua, orang-orang muda ini jika diberikan peluang untuk...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Silakan Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita difahamkan data yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada Jun tahun ini, koperasi di Malaysia ini ada sejumlah 14,624 buah. Daripada itu, sejumlah 3,200 buah koperasi sudah tidak aktif. Sejumlah 3,200 buah koperasi daripada 14,624 buah koperasi ini ialah sebanyak 22 peratus koperasi tidak aktif. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pasir Mas supaya boleh menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kenapa koperasi ini tidak aktif. Nanti kita tubuh, tubuh, tubuh koperasi selepas itu koperasi tidak aktif dan gulung tikar.

Ada sejumlah 1,000 buah koperasi yang gulung tikar. Jadi, angka-angka ini agak memeranjatkan kita. Adakah kerana kita mewujudkan rang undang-undang ini iaitu daripada seramai 50 orang kita turunkan kepada seramai 20 orang? Adakah kerana kurangnya minat untuk gerakan koperasi di Malaysia maka kita kurangkan orang yang layak menubuhkan kepada seramai 50 orang kepada seramai 20 orang? Apakah pandangan Yang Berhormat Pasir Mas?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian. Ya, masukkan dalam ucapan saya. Isu koperasi yang tidak aktif juga merupakan satu isu yang saya rasa patut dipandang dengan serius oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya berkenaan dengan anak-anak muda tadi. Anak-anak muda jika diberikan peluang untuk berkeaktiviti, mereka boleh mencatatkan kejayaan. Saya mengambil contoh di beberapa hari lepas ataupun minggu lepas, sebuah filem yang sudah pun disiarkan oleh *Astro First* iaitu '*Mael Totey The Movie*' yang mana dihasilkan oleh anak Kelantan. Hasil daripada seorang anak Kelantan, namanya Syahmi Sazli. Saya merakamkan tahniah di dalam Dewan Rakyat ini bagaimana sebuah filem yang dibuat dengan bajet yang rendah iaitu RM400,000 sahaja telah mencatatkan sejarah di dalam *Astro First* mencatat kutipan lebih daripada sebanyak RM4 juta dalam masa lima hari sahaja.

Bagaimana seorang anak muda yang saya kira tidak mempunyai bantuan daripada pihak kerajaan dari sudut kewangan untuk menerbitkan filem sendiri dengan kreativiti telah berjaya untuk membuka mata pengusaha filem tempatan. Dalam keadaan suasana pandemik membuka mata pengusaha filem tempatan dalam keadaan suasana pandemik COVID-19 pada hari ini, pawagam-pawagam ditutup dan sebagainya, tetapi rupanya ada ruang baharu untuk pengkaryapengkarya ataupun karyawan-karyawan kita menerbitkan filem mereka masing-masing dan ia dimulakan oleh seorang anak muda yang masih belum ada pengalaman dalam dunia penerbitan filem.

Saya menarik butiran ini untuk menyatakan bahawa kita tidak boleh memandang rendah kepada potensi yang boleh dicetuskan oleh anak-anak muda. Betapa ramai anak-anak muda pada hari ini boleh mencatatkan nama sebagai usahawan-usahawan digital dengan mempromosikan produk-produk kesihatan dan kecantikan. Tanpa bantuan daripada kerajaan, mereka bertatih dengan usaha mereka sendiri.

Akan tetapi, dalam masa yang sama berapa ramai usahawan-usahawan yang dibantu sejak sekian lama tetapi akhirnya mereka terus menerus tidak mampu untuk berdikari. Ia merupakan satu rahsia yang terbuka sebenarnya. Berapa ramai yang dibantu untuk menternak kambing, kita bagi kambing, dia jual kambing. Berapa ramai yang dibantu untuk bertani sebagai contoh. Kita bagi anak pokok, dia jual anak pokok. Jadi, di sinilah bantuan-bantuan ini hendaklah lebih bersasar dan hendaklah melalui proses-proses penilaian yang adil tidak hanya sekadar memberikan tumpuan kepada kelompok-kelompok yang dipilih dengan sentimen-sentimen yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua kedua, kita perlu mengutamakan bantuan...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Ekonomi...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat, bolehkah saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beaufort.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya dengar Yang Berhormat cakap tentang mereka yang sudah dibantu. Bagi kambing, kambing dijual. Bagi ayam, ayam dijual dan sebagainya. Apakah cadangan Yang Berhormat? Bagaimana kita dapat merubah keadaan ini supaya apa juga bantuan yang diberikan oleh kerajaan itu bukan sahaja kena pada sasarannya, tetapi berjaya mengangkat anak-anak muda ini menjadi mereka yang mampan dalam ekonomi mereka, *Insyah-Allah*.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Beaufort. Kalau ditanya kepada saya sudah pasti aspek pemantauan itu perlu diperketat. Kalau kita jual barang, dia ada konsep *service after sale* iaitu perkhidmatan selepas daripada barang itu dijual. Begitu juga dalam bentuk bantuan. Pemantauan selepas bantuan itu diberikan. Adakah – Mungkin sebelum ini kita bagi bantuan sekadar untuk melepasi KPI iaitu bantuan berjaya disalurkan, dana berjaya disalurkan tetapi dalam masa yang sama tidak ada pemantauan.

Ya, agensi berkenaan melepasi KPI, bantuan telah disalurkan. Akan tetapi, mereka yang menerima bantuan ini, adakah mereka telah memanfaatkan bantuan itu dengan sebaik mungkin? Sehingga kalau kita hendak beritahu, kita hendak sebut secara kasarnya – kalaulah bantuan-bantuan kepada petani ini, anak-anak pokok yang diberikan kepada mereka yang diberikan bantuan ini mungkin sudah banyak hutan belantara dengan izin Tuan Yang di-Pertua boleh diwujudkan.

Akan tetapi, realiti yang berlakunya tidak begitu. Mereka yang diberikan tongkat ini sering kali mengharap tongkat daripada masa ke masa. Sedangkan anak-anak muda yang tidak ada – dengan maaf, saya menyebut tidak ada *cabl* ini akhirnya mereka bertatih di atas kaki mereka sendiri, tetapi mereka berjaya membuka pandangan masyarakat jika mereka diberikan bantuan yang sewajarnya, mereka boleh untuk berjaya.

Saya balik kepada soalan tadi iaitu aspek yang penting ialah aspek pemantauan. Bagaimanakah pemantauan dilakukan? Bagaimanakah pemantauan diberikan? Bagaimanakah penilaian diberikan? Kalau mereka masih perlu dibantu, bantu mereka kalau mereka benar-benar ingin berjaya.

Balik kepada persoalan saya tadi iaitu, yang kedua utamakan bantuan dalam bidang ekonomi koperasi seperti pelancongan dan sektor sekitar kawasan PPKB dan PPKD. Pasca COVID-19 ini, kerajaan telah memberikan bantuan kepada syarikat-syarikat koperasi bagi membantu pengoperasian yang lebih lancar. Namun begitu, kerajaan juga diharapkan bagi memfokuskan bantuan dalam belanjawan yang akan dibentangkan untuk koperasi khususnya sektor yang terjejas seperti pelancongan yang begitu terjejas teruk dan koperasi yang beroperasi di kawasan PPKD dan PPKB ini.

Ketiga, penekanan pendigitalan koperasi. Koperasi juga perlulah diberikan penekanan untuk mengadaptasi dunia globalisasi yang kian mencabar. Mereka perlu diberikan latihan dan pendidikan *business* yang seiring dengan perkembangan ilmu perniagaan supaya dilihat kompeten dan tidak hanya berfikir untuk meneruskan operasi dalam kawasan-kawasan tertentu sahaja. Berikutnya, wujudkan program berkonsep seperti BA100 yang membantu bidang ekonomi koperasi yang lain.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah pun mewujudkan – ini berjaya satu program yang dinamakan BA100 ini bagi memudahkan peruncit-peruncit koperasi dengan membekalkan barangan asas yang lebih rendah harganya berbanding harga pasaran kepada peruncit koperasi.

Konsep yang sama Tuan Yang di-Pertua, boleh diaplikasikan bukan sahaja bagi bidang pemborongan dan peruncitan tetapi juga boleh disediakan bagi keperluan yang dapat membantu sektor lain seperti perladangan, pertanian dan lain-lain. Sebagai contoh, menyediakan alatan dan juga kelengkapan sektor-sektor yang berkait yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Berikutnya medan *e-commerce* berpusat khusus bagi koperasi. Kerajaan juga boleh memperuntukkan kewangan bagi mewujudkan medan *e-commerce* khusus bagi perniagaan-perniagaan koperasi bagi meningkatkan potensi pelanggan di setiap koperasi.

Seandainya perkara ini dapat dijayakan, *e-commerce* tersebut bukan sahaja dapat membantu koperasi meningkatkan hasil jualan tetapi juga akan dilihat faktor yang mampu menarik minat lebih ramai untuk terlibat dalam penubuhan koperasi disebabkan prospek pelanggan yang berada di atas talian yang stabil. Usaha ini juga dapat menjimatkan sejumlah wang sekitar setiap koperasi di Malaysia yang akan berbelanja bagi urusan *marketing* dan pencarian pelanggan yang baharu.

Berkait dalam isu ini juga, walaupun tidak ada kaitan dengan kementerian untuk menjayakan ini perlulah ada usaha rentas kementerian.

#### ■1230

Di mana perlunya usaha untuk memperkasakan capaian-capaian *internet* dan infrastruktur bagi menjayakan proses *e-marketing* seperti ini di kawasan-kawasan yang sangat mundur capaian *internet*-nya. Sebagaimana yang saya sebut

di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, di Pasir Mas, rakyat saya lebih rela membeli *sim card* dari Thailand untuk melayari *internet* kerana capaian *internet* di kawasan saya ini sangat-sangat teruk, terutamanya di kawasan yang bersempadan dengan Thailand. Kita hendak bercakap tentang *e-marketing*, *e-commerce*, bercakap tentang pembelajaran dalam talian, ia tidak sampai kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan-kawasan yang sangat terjejas capaian talian *internet*-nya. Nasib baiklah penduduk saya ini tidak bertindak memanjat pokok untuk mencapai talian *internet*. Akan tetapi, tidak mustahil kalau itu berleluasa, berlaku lebih lanjut, tidak mustahil itu terpaksa dilakukan.

Inilah yang saya hendak kaitkan dengan capaian *e-commerce* dan *e-marketing* tadi. Kita boleh bercakap tentang *e-marketing*, bercakap tentang *e-commerce*, bercakap tentang platform *Lazada*, *whatever*, *Shopee* dan sebagainya. Akan tetapi dalam masa yang sama, adakah kita sedar bahawa di sana ramai lagi rakyat yang masih lagi capaian *internet* mereka berada di bawah piawaian yang sebenar yang akhirnya tidak mencapai hasrat yang ingin dijayakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar itulah ucapan saya pada kali ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan 20 minit Yang Berhormat.

**12.31 tgh.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Pasir Gudang untuk turut membahaskan pindaan kepada Akta Koperasi 1993 ini. Saya berpendapat bahawa pindaan ini sangat penting dan ini satu usaha yang baik dilakukan oleh pihak kementerian.

Daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, saya nampak bahawa usaha untuk mempermudah penubuhan badan koperasi ini dalam cita-cita kita untuk mengangkat gerakan koperasi ini menjadi satu platform yang penting. Saya percaya bahawa pindaan-pindaan yang dibentangkan ini boleh membawa kepada perubahan yang lebih baik dalam gerakan koperasi.

Dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa sudah sampai pada masanya, negara kita sudah lebih 60 tahun merdeka, supaya gerakan koperasi ini betul-betul kita angkat menjadi satu platform yang penting dalam sistem ekonomi di negara kita. Suka atau tidak suka, kita terpaksa mengakui bahawa ekonomi negara kita sekarang ini bergerak atas landasan sistem kapitalisme sama ada *private capitalism*, dengan izin, ataupun *state capitalism*.

Dalam sistem ini, keutamaan diberikan ialah untuk mencapai keuntungan (*profit*) yang semaksimum yang mungkin. Dalam keadaan inilah wujudnya gerakan koperasi yang kita lihat kadang-kadang seperti hidup tidak cukup bertenaga, ertinya lesu. Akan tetapi, kita percaya kita perlu positif bahawa dalam keadaan yang susah ini, di mana sistem ekonomi yang membiarkan keadaan seperti '*enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing*', nafsu nafsi, *survival for the fittest*, dengan izin, banyak syarikat yang tutup, yang bankrap tetapi gerakan koperasi ada yang berjaya.

Contohnya, bila diurus dengan baik seperti Bank Kerjasama Rakyat, Bank Rakyat itu, satu bank kerjasama, berjaya. Suatu ketika dulu Bank Rakyat pernah punah dengan skandal rasuah di akhir tahun 70an. Akan tetapi, bila disusun, ditadbir oleh profesional yang baik, Bank Rakyat merupakan telah bertahun-tahun jadi bank yang berjaya memberi dividen yang tinggi kepada ahli-ahlinya.

Ertinya, disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, jumlah anggota koperasi ini ramai, lebih enam juta orang. Koperasi berdaftar lebih 14,000 syer dan modalnya lebih RM15 bilion dan asetnya lebih RM146 bilion. Akan tetapi, kita lihat bahawa masih terdapat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi, ada koperasi-koperasi yang '*hidup segan mati tidak mahu*' dan '*tutup kedai*' umpamanya. Jadi, sudah sampai masanya pindaan yang kita kena sokong kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan kementerianannya, kita sama-sama. Ini ialah satu tugas yang sangat penting.

Ini kerana kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, kita ada Wawasan 2020, tak berjaya. Kita hendak adakan nanti Wawasan Kemakmuran Bersama dalam keadaan ekonomi seperti ini. Jadi, kita lihat dalam pandemik COVID-19 ini, yang susahnya rakyat miskin di bandar, rakyat miskin di kampung, golongan B40 menderita, golongan-golongan M40 pun susah sekarang. Mungkin yang senang golongan bukan T20 tetapi T5 atau T1 *percent* itu yang *super rich*, yang terlalu kaya, yang menguasai ekonomi negara kita.

Dalam keadaan ini, koperasi perlu ditolong. Perlu pada akhirnya ia boleh bergerak bersendirinya menjadi satu alternatif kepada sistem ekonomi di negara kita yang boleh memberi harapan. Kita lihat— saya ingin berterus terang— yang ramai miskin rakyat di negara kita ini, orang India pun ada miskin, orang Cina ada miskin tetapi ramai miskinnya, hakikatnya, golongan Melayu dan bumiputera, Orang Asal di Sabah dan Sarawak, ada akta.

Perkara 153 Perlembagaan ada kuota dan sebagainya kepada golongan bumiputera dan anak-anak Sabah dan Sarawak ini. Sistemnya tidak dapat membantu mereka ini. Ini kerana bergeraknya dalam sistem kapitalisme ini, yang *survival for the fittest*, golongan yang rendah ditekan. Jadi, sudah sampai masanya kementerian ini dan kerajaan ini, tidak kira apa parti pun memerintah negeri ini, kita

mesti membangunkan gerakan koperasi ini. Supaya pada akhirnya golongan B40, golongan M40 ini kita libatkan sama dalam gerakan koperasi.

Oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu contoh. Pentingnya bagaimana koperasi itu penting. Kita pergi ke bandar, ke pekan-pekan kecil. Orang Melayu secara seorang diri takkan berjaya hendak bina kedai-kedai, bangunan kedai, susah untuk membina projek pembangunan perumahan. Akan tetapi, kita boleh pergi ke bandar-bandar kecil, ada deret kedai-kedai, wisma-wisma milik masyarakat Melayu kerana didirikan oleh koperasi. Ertinya, bila koperasi ini berganding oleh ahli-ahlinya, banyak dapat diusahakan, banyak dapat dijayakan. Jadi ertinya, kita kerajaan yang ada sekarang, kerajaan akan datang, maknanya kita mesti bagi satu keadaan yang kondusif kepada gerakan koperasi hidup, kita perlu tolong.

Dalam hal ini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yes, sila ya. Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tadi Yang Berhormat Pasir Gudang ada menyebut bahawa Bank Rakyat adalah koperasi yang terbaik. Memang betul, Tuan Yang di-Pertua, itu yang pertama. Kedua, Koperasi Permodalan FELDA Berhad. Ketiga, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia. Keempat, Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah. Kelima, Koperasi Serba Usaha Makmur Berhad. Keenam, Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad. Ketujuh, Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat. Kelapan, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad. Saya baca sampai sepuluh sahaja. Kesembilan, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara dan kesepuluh, Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batang Padang.

#### ■1240

Apabila saya membaca kenapakah mereka ini tergolong dalam sepuluh, ada 100 senarai di tangan saya ini. Sepuluh yang terbaik, dia ada dua faktor. Satu, faktor kewangan dan satu lagi ialah faktor bukan kewangan. Faktor kewangan itu kerana mereka terlibat dengan perniagaan dan koperasi-koperasi yang gulung tikar dan lingkup dan tidak aktif itu kerana mereka tidak ada daya usaha untuk melaksanakan usaha-usaha perniagaan.

Jadi, apa pandangan Ahli Yang Berhormat, kalau kita pastikan pengurus-pengurus koperasi ini kita latih sungguh-sungguh dalam bidang perniagaan supaya mereka boleh memajukan koperasi masing-masing khususnya dalam bidang perniagaan. Selain daripada itu, pengurusan kewangan juga penting. Terima kasih.



**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada pandangan daripada Yang Berhormat Pontian tadi. Saya sangat bersetuju bahawa dengan izin, pernahlah juga saya terlibat dalam koperasi ini. Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian itu betul iaitu pengurusan koperasi ini perlu cermat, profesional dan *accountable*.

Dalam hal ini, saya berpendapat peranan Maktab Koperasi yang ada sekarang ini perlu dilihat baik-baik Yang Berhormat Menteri, Maktab Koperasi ini supaya betul-betul dia dapat membantu gerakan koperasi ini, melatih kepimpinan segala kemahiran yang diperlukan untuk pergerakan koperasi itu.

Dalam hal ini, saya ingin menyebut juga iaitu badan-badan besar di negara kita seperti Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), saya rasa perlu bergerak juga dalam hal koperasi ini kerana anggota mereka ramai. Umpamanya kalau di negara jiran kita, perkhidmatan teksi mereka melibatkan koperasi kesatuan sekerja mereka.

Jadi, di negara kita ini kita lihat yang ramai miskin, yang ramai susah golongan petani. Akan tetapi di sektor yang melibatkan pertanian ini, kita ada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), NAFAS, FELDA, FELCRA, RISDA ini ada kaitannya dengan kerajaan, badan yang besar ini. Akan tetapi soalnya saya ingin bertanya dari segi satu cabaran kepada kepimpinan LPP, NAFAS, FELDA, FELCRA, RISDA ini, soal misalnya pengeluaran baja.

Saya tidak nampak—ertinya, kenapa tidak diwujudkan koperasi untuk membina kilang-kilang baja kerana masalah harga baja ini menjadi masalah besar kepada petani-petani. Kenapa tidak kalau modal yang sedikit, susah hendak dibangunkan kilang-kilang baja ini, mungkin dengan perkongsian bersama-sama dalam gerakan koperasi ini, ini boleh membantu dalam sektor pertanian ini iaitu petani-petani melalui koperasi membina kilang-kilang baja.

Akan tetapi seperti yang kita ketahui, jika koperasi ini tidak diurus dengan baik tidak ke mana sampainya. Jadi dalam hal ini, mungkin Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan melalui suruhanjaya di pejabat-pejabat koperasi di daerah-daerah supaya kerap adakan libat urus dengan gerakan koperasi setempat itu untuk betul-betul gerakan koperasi itu berkembang, tidaklah statik dari setahun ke setahun.

Begitu juga saya melihat bahawa peranan koperasi ini perlu diperluaskan dan diperkasakan supaya pelajar-pelajar di sekolah, kolej dan universiti menganggap dan percaya bahawa penglibatan mereka dalam gerakan koperasi ini sangat penting. Sebagai contoh, satu-satu contoh kecil yang perlu saya sebut misalnya Kedai Koperasi Universiti Malaya pada suatu ketika dahulu adalah suatu contoh gerakan koperasi yang berjaya.

Begitu juga saya rasa sudah sampai pada masanya bahawa kita kena berharap pertubuhan-pertubuhan besar seperti Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA) supaya kita lihat peranan ANGKASA ini. Suatu angkatan– sejauh mana ANGKASA ini dapat membantu membangunkan gerakan koperasi ini? Pada suatu ketika dahulu, ketika Prof. Ungku Aziz memimpin ANGKASA, kita nampak suatu keghairahan, suatu keadaan yang bertenaga dan bersemangat dalam gerakan koperasi ini.

Akan tetapi pada akhir-akhir ini saya minta maaf kerana melihat ertinya peranan ANGKASA ini. Harapan kita sangat tinggi kepada gerakan koperasi yang dipimpin oleh ANGKASA ini. Jadi begitu sahajalah Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan dan pertanyaan saya yang terakhir ialah jika kerajaan boleh bantu *private companies*, syarikat-syarikat *private*, mengapa kerajaan tidak boleh betul-betul membantu gerakan koperasi supaya ia menjadi berjaya wujud di negara kita ini dengan erti kata yang sebenarnya. Sekian, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pasir Gudang menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Jelebu untuk membahaskan akta ini.

**12.47 tgh.**

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 15 minit ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...Kerana telah memberi peluang kepada saya berbahas dalam RUU Koperasi (Pindaan) 2020 ini. Secara asasnya saya melihat pindaan yang ingin dibuat terhadap Akta Koperasi atau Akta 502 ini adalah merupakan bagi sebagai satu kemudahan bagi urusan pendaftaran dan pengoperasian koperasi di Malaysia. Hal ini jelas, kita dapat lihat dengan beberapa pindaan yang dibuat contohnya seperti penurunan jumlah minimum individu yang diperlukan untuk mendaftarkan koperasi asas daripada 50 kepada 20 orang.

Selain daripada itu, jika dahulu koperasi memerlukan sekurang-kurangnya 25 ahli untuk menandatangani atau pengesahan minit mesyuarat. Dengan pindaan ini, hanya 10 orang sudah cukup untuk mengesahkan minit mesyuarat tersebut dan pelbagai lagi pindaan-pindaan yang boleh kita dengar dan baca di dalam RUU ini.

Pastinya Tuan Yang di-Pertua, selepas 27 tahun akan ada perkara-perkara di dalam akta ini yang sudah kurang bersesuaian ataupun perlu dilihat semula seiring dengan perubahan keadaan semasa. Saya melihat pindaan ini adalah merupakan langkah yang terbaik dalam memudahkan urusan rakyat dan mengurangkan terutamanya dalam soal kerenah birokrasi. Tambahan pula dengan keadaan pandemik COVID-19 yang tidak pernah ataupun tidak hilang sehingga ini, pastinya

dengan pindaan sebegini sedikit sebanyak akan ada urusan rakyat yang kita permudahkan.

Koperasi di Malaysia untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, bakal mencecah usia 100 tahun pada tahun 2022. Konsep koperasi ini mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1902 dengan hanya permulaan sebanyak 11 koperasi dan 825 ahli sahaja. Namun begitu, sehingga tahun 2019 koperasi di Malaysia telah berkembang kepada 14,275 koperasi dengan ahli seramai 6.5 juta orang.

Koperasi di Malaysia juga dikatakan telah menjana pulangan sebanyak lebih RM40 bilion dengan bilangan aset mencecah RM140 bilion. Dengan angka-angka yang saya baru sebutkan ini, tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa gabungan koperasi-koperasi yang ada di negara pada ketika ini adalah sebagai gergasi dan memainkan peranan yang sangat penting dalam menjana perkembangan pasaran ekonomi domestik kita.

Walaupun koperasi dilihat sebagai semakin kukuh dan stabil, saya melihat masih terdapat cabaran-cabaran dan ruang penambahbaikan yang mesti diberikan penumpuan khusus oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1250

Berdasarkan rekod Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan kira-kira 80 peratus ahli koperasi adalah daripada golongan B40. Justeru itu, secara tidak langsung ia memberikan persepsi bahawa koperasi ini hanya bersifat kekampungan ataupun aktiviti yang bersifat konvensional, ekonomi kecil-kecilan, sekadar cukup makan dan pelbagai lagi andaian-andaian yang kurang tepat. Ini menjadi satu cabaran yang amat besar kepada pihak koperasi untuk mengubah persepsi rakyat dan persepsi masyarakat dan membuat satu revolusi kepada pengoperasian koperasi secara total.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, menjelang 100 tahun koperasi bertapak di Malaysia, apakah perancangan khusus yang dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan koperasi memainkan peranan yang lebih besar daripada sekecil-sekecil untuk membantu pembangunan ekonomi masyarakat khususnya masyarakat luar bandar sehinggalah kepada menjadi antara penyumbang KDNK negara.

Antara beberapa masalah Tuan Yang di-Pertua, masalah koperasi di Malaysia yang boleh kita bahagikan kepada tiga jenis iaitu koperasi asas, koperasi menengah iaitu gabungan daripada beberapa koperasi asas serta koperasi atasan yakni gabungan di antara koperasi menengah ataupun menengah atas. Itu adalah pelbagai ataupun jenis koperasi yang ada secara formalnya. Namun begitu, hari ini saya ingin membuat pengelasan baharu dalam soal koperasi yang ada di Malaysia, yakni koperasi yang sihat dan berdaya maju, koperasi yang mempunyai pulangan

yang menarik dan berbaloi untuk ahli dan sebagainya. Koperasi yang kedua adalah koperasi yang demam-demam kura-kura ataupun suam-suam kuku. Koperasi yang harus kita beri tumpuan dan penelitian ini adalah koperasi yang nazak yang hanya menunggu untuk ditutup ataupun menunggu maut, Tuan Yang di-Pertua.

Koperasi yang sihat ini Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan koperasi yang saban tahun mendapat keuntungan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas, disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang dan rakan-rakan Ahli Dewan Rakyat sebentar tadi. Koperasi yang boleh memberikan hasil pulangan yang lumayan terutamanya menyumbang kepada ekonomi dan juga menambah pulangan atau pendapatan bagi masyarakat dan ahli koperasi yang berkenaan.

Bagi koperasi yang pertengahan Tuan Yang di-Pertua, atau koperasi yang demam kura-kura ini adalah koperasi yang kadang-kadang untung, kadang-kadang rugi, tetapi kerapnya rugi dan tidak bernasib baik untuk mendapatkan pulangan modal yang mana kebanyakan ahli-ahli mereka yang menjadi ahli koperasi itu adalah merupakan ahli yang ramai terdiri daripada kakitangan penjawat awam dan juga ahli-ahli daripada golongan B40.

Apa yang penting yang nak saya sebut pada hari ini ialah Tuan Yang di-Pertua, koperasi yang nazak, koperasi yang perlu mendapat bantuan dan diberi perhatian oleh pihak kerajaan yang mana koperasi ini adalah merupakan koperasi yang saban tahun rugi, tidak berjaya dalam perniagaan yang dijalankan dan hanya menunggu masa untuk ditutup ataupun mendatangkan masalah kewangan yang dijalankan oleh jawatankuasa dan lembaga pengarah koperasi yang berkenaan.

Saya ingin memfokuskan kepada koperasi yang sebegini Tuan Yang di-Pertua. Kebiasaannya koperasi yang sebegini adalah daripada jenis koperasi asas yang mana jumlah bilangan ahlinya tidak begitu ramai, tetapi modal yang ada kepada koperasi yang berkenaan juga adalah tidak terlalu tinggi. Koperasi yang berpenyakit seperti ini yang paling banyak di Malaysia yang kita harus terima hakikat dan kenyataan. Saya merasakan bahawa pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia perlu lihat dengan lebih serius tentang bentuk bantuan dan subsidi ataupun bentuk mana untuk mengupayakan semula koperasi-koperasi yang bermasalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol sikit.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sekejap Yang Berhormat Jempol ya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai kriteria khusus untuk mengelaskan koperasi di Malaysia berdasarkan kepada prestasi kewangan mereka, berdasarkan kepada prestasi aktiviti perniagaan mereka. Berapakah jumlah koperasi di Malaysia yang dikategorikan sebagai sangat teruk daripada aspek kewangan? Sila Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Tadi Yang Berhormat Jelebu ada sebut soal 3,200 koperasi yang tidak sihat, manakala 1,000 koperasi dilaporkan gulung tikar. Adakah Yang Berhormat Jelebu perasan bahawa kebanyakan koperasi yang ada di Malaysia ini khususnya dalam kawasan FELDA, kawasan FELCRA dan lain-lain, ia asasnya adalah pertanian sahaja. Mereka ini tidak berkembang di luar. Saya nak tahu, apakah model *business* yang perlu kita buat ke arah memperkasakan, di mana peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini bukan sekadar datang melihat mesyuarat, tetapi tidak ada menambah baik untuk mendapatkan perniagaan dan sebagainya, bersaing di luar sana. Tidak mahulah koperasi ini ditubuhkan ibarat hanya berada dalam kawasan *business* kampung sahaja. Jadi, apakah tindakan yang perlu kementerian buat? Apakah Yang Berhormat Jelebu boleh setuju bahawa tindakan yang efektif untuk menyelamatkan koperasi yang berada di kampung-kampung?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Saya setuju dan saya minta supaya ucapan Yang Berhormat Jempol dimasukkan dalam perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian, saya mengharapkan supaya mempunyai satu perancangan yang lebih komprehensif dalam membantu koperasi-koperasi kampung kerana ahli koperasi Tuan Yang di-Pertua, seperti koperasi FELDA umpamanya seperti kata Yang Berhormat Jempol, koperasi yang berada di luar bandar umpamanya, mempunyai kepakaran yang sangat minimum dan pengurusan koperasi juga mempunyai kebolehpayaan untuk mengurus operasi dan menggaji mereka yang pakar dalam soal perniagaan, pelaburan, usahawan yang sangat minimum. Oleh sebab itu, kerajaan kena masuk dalam pengurusan ini terutamanya dibantu oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari negeri-negeri, dari daerah-daerah untuk menaikkan harakat pentadbiran dan pengurusan perniagaan mereka.

Apa yang kerajaan boleh buat dalam soal ini? Kemungkinan kerajaan boleh subsidi kepada koperasi yang berkenaan. Kalau kita subsidi RM30 juta setiap tahun umpamanya, kita subsidi RM20 juta umpamanya, kemungkinan subsidi yang berbentuk wang ringgit ini Tuan Yang di-Pertua, disalah guna ataupun disalah urus, maka koperasi balik kepada asal. Akan tetapi bagaimana untuk kita menaikkan pendapatan koperasi yang berkenaan, dengan kerjasama kerajaan negeri kolaborasi dengan kerajaan negeri bagi tanah kepada koperasi terutamanya koperasi yang mempunyai anggota kakitangan kerajaan sebagai ahli. Koperasi guru-guru Melayu atau guru-guru Semenanjung, koperasi pegawai-pegawai rendah kerajaan, koperasi orang-orang kampung, *allocate*, *collaborate* tanah dan kementerian masuk bagi peruntukan, bina premis desa umpamanya, bina premis-premis perniagaan

umpamanya dan kita serah kepada koperasi berkenaan sebagai satu aset baharu kepada pendapatan baharu kepada koperasi yang berkenaan. Barulah koperasi ini boleh berdaya maju dan meningkat dalam soal pendapatan tahunan mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Ini yang ditunggu oleh ahli kerana ini peranan kerajaan khususnya dalam membantu usahawan kecil terutamanya dalam kita menghadapi pandemik COVID-19. COVID-19, berapa ramai kakitangan kerajaan hilang kerja, berapa ramai kakitangan swasta hilang kerja, berapa ramai usahawan kecil di peringkat kampung dan luar bandar dan pinggir bandar yang hilang punca perniagaan seperti biasa. Mereka terpaksa masuk dalam e-dagang. Mereka terpaksa masuk dalam *online* yang kepakaran ini secara total Tuan Yang di-Pertua, tidak mempunyai ataupun tidak ada dalam koperasi-koperasi yang sedemikian rupa.

Oleh sebab itu, saya setuju dengan Yang Berhormat Jempol bahawa sesuatu mesti dibuat. Suntikan modal, suntikan aset, suntikan kepakaran dan kemahiran ini mestilah kita serah dan kita beri kepada koperasi yang berkenaan supaya mereka tidak terus nazak, tidak terus tunggu maut dan terus bangkit untuk menjadikan koperasi itu sebagai salah satu daripada punca pendapatan kepada ahli-ahli mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sikit lagi. Bagaimana mereka ini perlu kita bantu Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula dengan keadaan pandemik, keadaan COVID-19 yang kita tak tahu bila nak habis. Setahun, dua tahun, tiga tahun, kita tak tahu bila nak habis. Vaksin pun tak dapat lagi, usaha pun kita buat tak selesai lagi yang masih mengelilingi dan menghantui pemikiran masyarakat yang sentiasa terhimpit dan keadaan ekonomi mereka sentiasa berada dalam keadaan yang tertekan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak kerajaan ada menyediakan sebarang bentuk bantuan khusus seperti yang saya sebut dalam bentuk geran ataupun pakej-pakej kewangan untuk menaikkan harakat status koperasi yang berkenaan?

Mungkin sudah agak terlewat jika saya nak mengutarakan sebarang cadangan kepada pihak kementerian untuk dimasukkan dalam belanjawan yang bakal dibentangkan oleh kerajaan pada Jumaat ini, yakni Belanjawan 2021 kerana ia akan dibentangkan dalam tempoh yang beberapa hari. Namun begitu, saya amat berharap agar akan ada satu pengumuman khas khusus yang berkenaan dengan koperasi dalam pembentangan Belanjawan 2021 pada hari Jumaat ini. Jika kerajaan boleh memberikan pelbagai bantuan, Bantuan Prihatin Nasional kepada rakyat secara individu, Geran Khas Prihatin (GKP) kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mengapa tidak kerajaan memperuntukkan sejumlah wang bagi memberikan bantuan khusus kepada koperasi-koperasi di dalam kategori koperasi yang mudah miskin tadi Tuan Yang di-Pertua.

Semua pihak terkesan dalam keadaan kejatuhan ekonomi pada hari ini dan semua pihak juga perlu dibantu dengan sebaiknya oleh pihak kerajaan *without fail* dengan izin. Oleh itu, saya amat berharap jika masih ada ruang dan peluang dalam masa yang singkat ini untuk dimasukkan sebarang bentuk bantuan khas ataupun bantuan khusus untuk koperasi dalam Belanjawan 2021, moga dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Kewangan.

Dalam dekad yang terakhir ini, satu perubahan yang begitu ketara yang wujud di dalam pasaran negara adalah kemunculan kaedah e-dagang ataupun perniagaan atas talian. Pada peringkat ini, kemunculan kaedah perniagaan secara atas talian ini Tuan Yang di-Pertua, bukan semua mampu untuk menerima dan mengaplikasikan di dalam perniagaan mereka, tetapi demi rakyat, demi masyarakat bandar, pinggir bandar, apatah lagi masyarakat luar bandar, kerajaan tidak ada mempunyai pilihan yang lain kecuali mengeluarkan satu petua yang di luar atau petua norma baharu.

Petua yang mempunyai *wow factor*, petua yang boleh memberikan keuntungan total kepada rakyat terutamanya ahli koperasi, mesti dan wajib untuk diketengahkan Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Oleh sebab masa telah melebihi pukul 1.00 tengah hari, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 3 November 2020 di mana kita akan menyambung perbahasan rang undang-undang ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mengakhiri sesi sidang pada hari ini, saya cuma mohon penjelasan. Selepas pengumuman oleh Yang Berhormat Kota Bharu tadi, terdapat beberapa berita yang telah pun mula disiarkan dan salah satu daripadanya mempunyai tajuk yang agak mengelirukan. NST *online* mengatakan dengan izin, "*Dato' Takiyuddin bin Hassan today confirmed that several Dewan Negara staffs have been tested positive of COVID-19*". Tajuk berita mengatakan disebabkan itu sidang Dewan akan ditamatkan awal. So, saya mohon perkara ini dijelaskan. Kalau tidak, ini adalah berita yang akan menyebabkan kita pula dikuarantin. So, saya mohon – Kita akan keluar dari Dewan ini dan masing-masing mempunyai urusan. Ada yang akan balik ke kawasan, ada yang akan pergi untuk makan tengah hari dan sebagainya. So, mohon perkara ini diperbetulkan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan minta Setiausaha Dewan Rakyat untuk berkomunikasi dengan Yang Berhormat Menteri supaya Yang Berhormat Menteri boleh memperjelaskan berita tersebut. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat sejahtera.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.04 ptg.]**